

40 Berkenaan Ketegasan Pengharaman Hadith Riba

الْأَرْبَعُونَ فِي شِدَّةِ تَحْرِيمِ الرِّبَا

Al-'Allamah al-Shaykh Yusuf Bin Ismail al-Nabhani

Terjemahan, Ulasan & Edit

Abdullaah Jalil

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat,
USIM.

WISDOM
PUBLICATION

40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba

الْأَرْبَعُونَ فِي شِدَّةِ تَحْرِيمِ الرِّبَا

40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba

الْأَرْبَعُونَ فِي شِدَّةِ تَحْرِيمِ الرِّبَا

Al-Imam al-‘Allamah al-Shaykh Yusuf al-Nabhani

Terjemahan, Ulasan dan Edit:

Abdullaah Jalil

Wisdom Publication

WISDOM
PUBLICATION

WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
FB: Wisdom Publication

Hak Cipta Terpelihara © 2017 Wisdom Publication

[Edisi Khas bagi pengajaran Fiqh Muamalat 1 dan Fiqh Muamalat 2, Fakulti Ekonomi dan Muamat, USIM dengan kerjasama Unit Khazanah Ilmu Turath, USIM]

Edisi Pertama
Cetakan: Disember 2017

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN.....	i
Pengenalan Pengarang dan Kitab.....	1
1.1 Al-Imam al-‘Allamah al-Shaykh Yusuf al-Nabhani.....	1
1.2 Guru-guru Beliau	2
1.3 Kitab-kitab Beliau.....	3
1.4 Tariqah Sufiyyah: Suluk dan Tarbiyah.....	5
1.5 Kecintaan Beliau kepada Rasulullah ﷺ	6
1.6 Perjuangan Beliau Mempertahankan Ahli Sunnah dan Jama’ah Serta Khilafah Islamiyyah	6
1.7 Pujian Para Ulama’ Kepada Beliau	7
1.7.1 Pujian al-Shaykh al-Baytar	7
1.7.2 Pujian al-Shaykh Abdullah Siraj al-Din	8
1.8 Kewafatan Beliau.....	8
1.9 Dikenali Sebagai Penyair Rasulullah ﷺ Seperti “Saidina Hassan Ibn Thabit ؓ”	9
1.10 Pengenalan Kitab “40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba”	11
Pendahuluan Berkenaan Riba’	12
2.1 Definisi.....	12
2.1.1 Dari Sudut Bahasa	12
2.1.2 Dari Sudut Istilah.....	12
2.2 Jenis-Jenis Riba.....	14
2.3 Riba’ Hutang (Riba’ al-Duyūn).....	16
2.3.1 Peringkat Pengharaman Riba al-Duyun	17
Fasa Pertama: Sedikit Celaan bagi Riba	17
Fasa Kedua: Pengharaman Riba’ ke atas Kaum Yahudi.....	17
Fasa Ketiga: Pengharaman Riba Yang Melampau	18
Fasa Keempat: Larangan Yang Sangat Keras	19
2.4 Riba Jual-Beli (Riba al-Buyū’)	21
2.5 Hukum Pinjaman dan Jual-Beli Riba	21

2.5.1 Hukum Shar‘i Taklifi:	21
2.5.2 Hukum Shar‘i Wad‘i:	22
“40 HADITH BERKENAAN KETEGASAN PENGHARAMAN RIBA”	23
(1) [Pihak Yang Berkaitan Dalam Urusniaga Riba Kesemuanya Dilaknat oleh Rasulullah ﷺ]	24
(2) [Kaedah Berjual-beli Bagi Harta Ribawi].....	25
(3) [Larangan Riba al-Fadl di dalam Jual-beli Harta Ribawi].....	28
(4) [Larangan Riba al-Nasi’ah di dalam Jual-beli Harta Ribawi]	29
(5) [Makanan adalah Harta Ribawi]	30
(6) [Riba Jual-Beli]	31
(7) [Rasulullah ﷺ Melarang Jual-Beli Tamar dengan Tamar Jika Berlaku <i>Riba al-Buyu’</i> dan Menggalakkan Jual-Beli Biasa]	32
(8) [Rasulullah ﷺ Melarang Bila ﷺ Daripada Jual-Beli Tamar Secara Barter Jika Berlaku Riba al-Buyu’].....	33
(9) [Larangan Jual-Beli Barter Bagi Tamar Yang Tidak Diketahui Sukatannya].....	34
(10) [Rasulullah ﷺ Mengajarkan Kaedah Shariat Berkenaan Jual-Beli Emas dengan Emas].....	35
(11) [Zaman Riba’ Berleluasa Di Atas Muka Bumi Akan Tiba]	36
(12) [Rasulullah ﷺ Melarang Jual-Beli Tamar Kering dan Tamar Basah Secara Barter].....	37
(13) [Larangan Jual-Beli Haiwan dengan Haiwan Secara Tangguh]	38
(14) [Larangan Jual-Beli Haiwan dengan Daging].....	39
(15) [Riba adalah Penangguhan - Sekiranya Kategori Harta <i>Ribawi</i> adalah Sama]	40
(16) [Satu Dirham Riba Lebih Berat daripada Tiga Puluh Enam (36) Zina]	41
(17) [Riba Mempunyai Tujuh Puluh (70) Tingkatan Dosa]	42
(18) [Riba Membawa kepada Kemiskinan dan Kekurangan].....	42
(19) [Para Pemakan Riba Mempunyai Perut Yang Besar Dan Dipenuhi Ular]	43
(20) [Rasulullah ﷺ Melaknat Orang Yang Terlibat dengan Riba’]	44
(21) [Hukum Mengambil Manfaat Daripada Peminjam/ Penghutang]	45

(22) [Riba' adalah di antara Tujuh (7) Dosa Besar Yang Membawa Kemusnahan]	46
(23) [Pemandangan Malam Isra' dan Mi'raj: Pemakan Riba' Di Dalam Sungai Darah Dan Dibaling Batu ke Mulutnya Apabila Dia Mahu Keluar Daripadanya].....	47
(24) [Pemakan dan Pemberi Riba' Dilaknat oleh Rasulullah ﷺ]	48
(25) [Semua Pihak Yang Terlibat Dengan Riba adalah Dilaknat Melalui Lisan Rasulullah ﷺ].....	49
(26) [Pemakan Riba' Berhak Dihalang Dari Memasuki Syurga].....	50
(27) [Riba dan Syirik Mempunyai Lebih Daripada Tujuh Puluh Lebih Pintu].....	51
(28) [Satu Dirham Riba Adalah Lebih Berat Dari Tiga Puluh Enam (36) Penzinaan]	52
(29) [Riba' itu Mempunyai Tujuh Puluh Dua (72) Pintu]	54
(30) [Riba' itu Mempunyai Tujuh Puluh (70) Dosa/ Kesalahan].....	55
(31) [Zina dan Riba Yang Berleluasi Menjadi Sebab Bagi Azab Allah] ..	56
(32) [Zina dan Riba Yang Zahir Menjadi Sebab Bagi Azab Allah].....	56
(33) [Riba' Menjadi Sebab Bagi Azab Kemarau]	57
(34) [Riba', Zina dan Arak Akan Berleluasa Sebelum Kedatangan Hari Kiamat].....	58
(35) [Riba' adalah Salah Satu Dari Dua Dosa Besar Yang Sukar Diampunkan].....	58
(36) [Pemakan Riba Akan Dibangkitkan Sebagai Orang Gila].....	60
(37) [Ancaman Api Neraka Bagi Para Peniaga Wang Yang Melakukan Urusniaga Riba']	61
(38) [Riba' adalah Salah Satu Sebab Berlakunya Azab Allah ﷻ].....	62
(39) [Riba' adalah Salah Satu Sebab Berlakunya Azab Allah ﷻ].....	63
(40) [Kemuliaan Seseorang Yang Bersih Hasil Usahanya Dari Riba]	65
Penutup (<i>Khātimah</i>)	66
[Nukilan dari Imam Malik – Tiga Jenis Pinjaman]	66
[Nukilan dari Imam Ibn Hajar al-Haytami – Dosa Riba adalah Dosa Besar & Isu Helah Berkaitan Riba di kalangan Fuqaha']	67
[Nukilan dari Imam 'Abd al-Wahhab al-Sha'rani – Larangan Melakukan Helah Tanpa Darurat dan Masalah Yang Lebih Besar] ...	70

Kaedah Bertaubat Daripada Dosa Riba'	72
4.1 Pertama: Taubat	72
4.2 Kedua: Mengenal Pasti atau Penilaian	72
4.3 Ketiga: Memulangkan Harta Tersebut kepada Pemilik Asal	73
4.4 Keempat: Pihak Yang Bertanggungjawab dalam Menguruskan dan Melupuskan Harta Haram	74
4.5 Kelima: Tindakan Yang Perlu Diambil oleh Pihak Bertanggungjawab	75
4.5.1 Dalil Pertama	77
4.5.2 Dalil kedua	78
4.5.3 Dalil ketiga	78
4.5.4 Dalil Keempat	79
4.5.5 Dalil Kelima	79
4.6 Keenam: Pahala Membersihkan Diri daripada Harta Haram	80
Lampiran 1: Latar Belakang Penterjemah, Pengulas dan Editor: Abdullaah Jalil	83
Lampiran II: Kebenaran Umum oleh al-Allamah al-Shaykh Yusuf al- Nabhani [dan Penterjemah]	85
Lampiran III: Doa [Nazam] Penutup Majlis Ilmu	87

PENGENALAN PENGARANG DAN KITAB



1.1 Al-Imam al-'Allamah al-Shaykh Yusuf al-Nabhani

Sebelum kita pergi lebih jauh, kita patut mengambil masa untuk mengenali pengarang asal kitab ini agar dapat menambah kecintaan dan keperihatinan kita kepada kitab ini. Pengarang kitab ini adalah seorang ulama' terkemuka dan masyhur di akhir era Khilafah Turki 'Uthmaniyyah. Beliau dikenali dengan nama "*al-Imam al-'Allamah al-Shaykh Yusuf Ibn Isma'il al-Nabhani*".

Al-Nabhānī adalah nisbah kepada keluarga al-Nabhān, iaitu sebuah keluarga Arab yang menduduki kampung bernama "Ijzim". Ia adalah sebuah kampung di bahagian utara Palestin. Beliau dilahirkan pada hari Khamis tahun 1265H. Beliau mula menghafal al-Qur'an di bawah bimbingan bapanya. Bapanya adalah seorang sheikh yang panjang umurnya mendekati 80 tahun. Walaupun pada usia yang sedemikian, bapanya masih lagi mempunyai kesempurnaan akal, pancaindera, kekuatan, ingatan dan beliau menjaga amalan-amalan soleh serta menekuni amalan membaca al-Quran. Pada awalnya, bapa beliau mengkhatamkan al-Qur'an dengan satu kali khatam pada setiap tiga hari.

Setekah itu, beliau diberi tawfiq untuk mengkhatamkan al-Quran dengan tiga kali khatam pada setiap minggu. Ketaqwaan dan kesolehan bapanya pastinya mempunyai kesan yang amat besar terhadap pembentukan peribadi beliau.

Setelah beliau menyempurnakan penghafalan al-Quran dan matan-matan ilmu, bapa beliau menghantar beliau ke Mesir sewaktu umurnya mencecah 17 tahun. Di Mesir, beliau memasuki Universiti al-Azhar pada tahun 1283H. Beliau bermazhab al-Shafie, beraqidah al-Asha'irah dan merupakan ahli Sufi yang menjalani tarbiyah dan suluk di bawah bimbingan ramai ulama' Tariqah al-Tasawwuf.

1.2 Guru-guru Beliau

Beliau dikurniakan kesempatan oleh Allah ﷻ untuk mengambil ilmu daripada tokoh-tokoh besar ulama' di zamannya. Sebahagian daripada guru-guru beliau yang terkemuka adalah:

- Al-Shaykh Ibrahim al-Saqqa al-Shafi'i (wafat 1298H pada umur sekitar 90 tahun).

Al-Shaykh Yusuf al-Nabhani menyatakan bahawa gurunya ini adalah "*Ustadh al-Asatidhah*" dan beliau melazimi gurunya ini selama tiga tahun dan beliau membaca di bawah bimbingannya kitab Sharh al-Tahrir dan Sharh al-Minhaj oleh al-Imam Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari dengan hashiyah bagi kedua-dua kitab tersebut oleh al-Sharqawi dan al-Bayjuri.

- Al-Shaykh al-Sayyid Muhammad al-Damanhuri al-Shafi'i (wafat 1286H).
- Al-Shaykh Ahmad al-Ajhuri al-Darir al-Shafi'i (wafat 1293H).

- Al-Allamah al-Shaykh Ibrahim al-Zarw al-Khalili al-Shafi'i (wafat 1287H).
- Al-Allamah al-Shaykh Hasan al-'Adawi al-Maliki (wafat 1298H).
- Al-Shaykh 'Abd al-Hadi Naja al-Abyari al-Shafi'i (wafat 1305H)
- Farid al-'Asr Al-Shaykh Shams al-Din Muhammad al-Anbabi al-Shafi'i (wafat 1313H) – Professor dan Shaykh al-Jami' al-Azhar di zamannya.
- Al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Sharbini al-Shafi'i – Imam al-Jami' al-Azhar al-Azhar (wafat 1326H).
- Al-Shaykh 'Abd al-Qadir al-Rafi'i al-Tarablusi al-Hanafi – Shaykh Ruwwaq al-Shawwam.
- Al-Shaykh Yusuf al-Barqawi al-Hanbali – Shaykh Ruwwaq al-Hanabilah.

Dan lain-lain yang begitu ramai.

1.3 Kitab-kitab Beliau

Karya beliau telah tersebar ke seluruh dunia Islam dan diterima hatta di Tanah Melayu. Di antara karya-karya beliau yang masyhur adalah:

1. *Al-Fath al-Kabir fi Damm al-Ziyadah ila al-Jami' al-Saghir*. Ia adalah sebuah kitab yang meliputi 14,450 hadith dan disusun mengikut huruf abjad. Dihujungnya terdapat "*Dhayl al-Jami' al-Saghir*".
2. *Muntakhab al-Sahihayn*. Ia mengandungi 3,010 hadith yang dihujungnya terdapat komentar beliau yang dinamakan sebagai "*Qurrat al-'Ayn 'ala Muntakhab al-Sahihayn*."
3. *Wasa'il al-Wusul ila Shama'il al-Rasul* ۞.
4. *Afdal al-Salawat 'ala Sayyid al-Sadat* ۞.

5. Al-Basha'ir al-Imaniyyah fi al-Mubashshirat al-Manamiyyah.
6. Al-Nazm al-Badi' fi Mawlid al-Shafi' عليه السلام.
7. Al-Hamziyyah al-Alfiyyah (Taybat al-Gharra') fi Madh Sayyid al-Anbiya' عليه السلام.
8. Al-Sharaf al-Mu'abbad li Āl Sayyidina Muhammad عليه السلام.
9. *Shawahid al-Haqq fi al-Istighathah Bi Sayyid al-Khalq*. Sebuah kitan yang amat hebat dan dipuji oleh para ulama'-ulama' besar. Ia merupakan sebuah kitab yang mempertahankan amalan *istighathah* dengan Nabi Muhammad عليه السلام yang dibid'ahkan oleh golongan ekstrim.
10. *al-Asalib al-Badi'ah fi Fadl al-Sahabah wa Iqna' al-Shi'ah*. Sebuah kitab yang mempertahankan sahabat Rasulullah عليه السلام dan menolak Syiah.
11. Hujjat Allah 'ala al-'Alamin fi Mu'jizat Sayyid al-Mursalin عليه السلام.
12. Sa'adat al-Darayn fi al-Salah 'ala Sayyid al-Kawnayn.
13. al-Fada'il al-Muhammadiyyah.
14. Dan lain-lain.

Beliau juga mempunyai karangan yang berkaitan dengan pengumpulan 40 hadith berkenaan sesuatu topik. Di antaranya ialah:

1. Al-Ahadith al-Arba'in fi Wujub Ta'at Amir al-Mu'minin.
2. Al-Ahadith al-Arba'in fi Fada'il Sayyid al-Mursalin عليه السلام. (Kitab yang diterjemahkan ini)
3. Al-Ahadith al-Arba'in fi Amthal Afsah al-Mursalin عليه السلام.
4. Arba'un Hadithan fi Fada'il Ahl al-Bayt.
5. Arba'un Hadithan fi Fadl Arba'in Sahabiyyan.
6. *Jihad wa al-Mujahidin*. Kitab ini dikarang oleh beliau bagi memberi galakan kepada tentera dan pejuang Khilafah

‘Uthmaniyyah yang pada waktu tersebut begitu sibuk berjihad mempertahankan wilayah-wilayah Islam daripada penjajah-penjajah *kuffar*.

dan lain-lain yang begitu banyak.

1.4 Tariqah Sufiyyah: Suluk dan Tarbiyah

Sebagai seorang ulama’ terbilang, pastinya beliau mempunyai latar belakang tarbiyah dan suluk yang luas. Ini adalah merupakan satu kebiasaan di kalangan para ulama’ yang muktabar. Di dalam bidang suluk dan tarbiyah, beliau telah mengambil tariqat-tariqat al-Sufiyyah daripada para ulama’ Sufi yang mayshur di zaman beliau. Di antaranya, beliau mengambil:

- Tariqah al-Idrīsiyyah daripada al-Shaykh Isma‘il al-Nawwāb, Makkah;
- Tariqah al-Rifā‘iyyah daripada al-Shaykh ‘Abd al-Qadir Abu Rabah al-Dijani al-Yafi;
- Tariqah al-Khalwatiyyah daripada al-Shaykh Hasan Ridwan al-Ṣa‘īdī;
- Tariqah al-Shadhiliyyah daripada al-Shaykh al-Shams Muhammad Ibn Mas‘ud al-Fasi dan al-Shaykh ‘Ali Nur al-Din al-Yashriti;
- Tariqah al-Naqshabandiyyah daripada al-Shaykh Ghiyath al-Din al-Irbili dan al-Shaykh Imdād Allah al-Hindi;
- Tariqah al-Qadiriyyah daripada al-Shaykh Hasan Ibn al-Ghazzi dan lain-lain.

1.5 Kecintaan Beliau kepada Rasulullah ﷺ

al-Imam al-Rabbani al-Shaykh Yusuf Ibn Isma'il al-Nabhani adalah seorang imam yang mulia, seorang alim yang beramal dengan ilmunya, seorang penyair, pemuji dan pencinta Rasulullah Beliau amat terkenal dengan kecintaan beliau terhadap Rasulullah ﷺ sehingga terdapat begitu banyak karangan yang telah beliau siapkan untuk mengangkat kemuliaan Baginda ﷺ. Beliau diberi gelaran sebagai “Busiriyy al-‘Asr” – ketua penyair pemuji Rasulullah ﷺ di zamannya seumpama Imam al-Busiri – pengarang al-Burdah – di zamannya.

Beliau telah menulis kitab yang begitu banyak dan kebanyakannya adalah berkenaan dengan hadith dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya seperti Sirah, puji-pujian buat Rasulullah ﷺ, ilmu berkaitan sanad, selawat ke atas Nabi ﷺ dan himpunan pujian para ulama' kepada Baginda Rasulullah ﷺ dan lain-lain.

Beliau adalah salah seorang tokoh besar dari kalangan para ulama' di zamannya, salah seorang ulama' lepasan al-Azhar al-Sharif dan beliau berkesempatan untuk belajar dengan tokoh-tokoh besar ulama' di zamannya dan memperolehi lebih dari lima puluh (50) ijazah 'ilmiyyah.

1.6 Perjuangan Beliau Mempertahankan Ahli Sunnah dan Jama'ah Serta Khilafah Islamiyyah

Beliau terkenal sebagai salah seorang ulama' yang bangkit mempertahankan aqidah Islam dan kemuliaan Rasulullah ﷺ dan menolak beberapa kontroversi yang dibawa oleh golongan yang ekstrim dan melampau. Beliau telah menolak pandangan-pandangan kontroversi golongan ini berkenaan isu tajsim dan jihah (arah) bagi Allah ﷻ, dakwaan larangan menziarahi makam Rasulullah ﷺ, dakwaan larangan

beristighathah dan bertawassul dengan Baginda ﷺ serta isu-isu lain seumpamanya. Di dalam hal ini, beliau sebenarnya mempertahankan kedudukan dan pandangan yang dipegang oleh majoriti ulama' Islam sejak dulu lagi. Beliau menjadi teladan unggul di sisi ulama' Ahli Sunnah dan Jama'ah dan nama beliau meniti di bibir para ulama' Ahli Sunnah dan Jama'ah.

1.7 Pujian Para Ulama' Kepada Beliau

1.7.1 Pujian al-Shaykh al-Baytar

Pengarang kitab “حلية البشر في تاريخ القرن الثالث عشر”, al-Shaykh al-Baytar memuji beliau dengan berkata (ms. 1612):

هذا الإمام، والشهم الأديب الهمام، قد طلعت فضائل محاسنه طلوع النجوم
الزواهر، وسعدت مطالع شمائله بآدابه المعجبة البواهر، فهو الأملعى المشهود له
بقوة الإدراك، واللودعى المستوى مقامه على ذروة الأفلاك، وله ذكاء أحد من
السيف إذا تجرد من قرابه، وفكر إذا أراد البحر أن يحكيه وقع في اضطرابه، ونثر
يزرى بالعقد الثمين والدر المنشور، وشعر يدل على كمال الإدراك وتمام الشعور،
فهو فارس ميدان اليراع والصفاح، وصاحب الرماح الخطية والأقلام الفصاح،
فلعمري لقد أصبح في الفضل وحيدا، ولم تجد عنه النباهة محيصاً ولا محيدا،
وناهيك بمحاسن قلدها، ومناقب أثبتها وخلدها، إذا تليت في المجمع، اهتزت لها
الأعطاف وتشنفت المسامع، ومن جملة آثاره، الدالة على علوه وفخاره، تأليفه
الشريفة

1.7.2 Pujian al-Shaykh Abdullah Siraj al-Din

Al-Imam al-Mufasssir al-Muhaddith al-Shaykh Abdullah Siraj al-Din al-Husyani telah memuji al-Shaykh Yusuf al-Nabhani di akhir kitab beliau “*al-Salah ‘ala al-Nabi ﷺ*” dengan berkata:

فضيلة العالم العارف بالله تعالى العاشق لحبيب الله تعالى السابح في بحور أهل الله
تعالى الشيخ يوسف النبهاني رحمه الله و نفعنا ببركاته .

“Seorang yang mempunyai kelebihan, seorang yang alim, seorang yang arif billah, yang asyik (sangat menyintai) kekasih Allah, yang berenang di dalam lautan para Ahlillah ﷺ, al-Shaykh Yusuf al-Nabhani, semoga Allah merahmati beliau dan memanfaatkan kita dengan keberkatan beliau.”

1.8 Kewafatan Beliau

Beliau wafat di Beirut, Lubnan pada sekitar hari-hari terawal bulan Ramadan tahun 1350H sewaktu beliau hampir berusia 85 tahun.

Disebut di dalam kitab “*Yusuf al-Nabhani: al-Sha‘ir al-Falastini al-Ra’id*”, mukasurat 148, bahawa setelah al-Shaykh Yusuf al-Nabhani dikebumikan, al-Hajj al-Kumi telah bermimpi beliau melihat Saidina Rasulullah ﷺ bersama Saidina Abu Bakr ؓ dan Saidina ‘Umar ؓ datang menyambut beliau dan meletakkan beliau di dalam kubur beliau. Ini adalah satu bentuk *ru’yah salihah* dan karamah bagi ulama’ yang begitu masyhur dengan kecintaan dan khidmat kepada Rasulullah ﷺ seperti al-Marhum al-Shaykh Yusuf al-Nabhani. Semoga Allah ﷻ merahmati beliau dan memanfaatkan kita dengan ilmu-ilmu yang diwariskan oleh beliau. Amin.

1.9 Dikenali Sebagai Penyair Rasulullah ﷺ Seperti “Saidina Hassan Ibn Thabit ؓ”



Ini adalah gambar makam al-Shaykh Yusuf al-Nabhani di Bayrut, Lubnan. Di dindingnya tertulis sebuah syair di mana bait pertamanya berbunyi:

هَذَا ضَرْيُحُ الْعَالِمِ الرَّبَّانِيِّ	حَسَّانِ أَحْمَدَ يُونُسَ النَّبْهَانِيِّ
Ini adalah kubur seorang alim yang rabbani	“Hassan Ahmad” Yusuf al-Nabhani

Maksud “Hassan Ahmad” yang disandarkan kepada beliau oleh penyair adalah: beliau adalah seumpama sahabat Nabi ﷺ yang masyhur sebagai Penyair Rasulullah ﷺ iaitu Saidina Hassan Ibn Thabit ؓ.

Saidina Hassan Ibn Thabit ؓ adalah seorang penyair yang masyhur dari kalangan sahabat Rasulullah ﷺ. Beliau adalah dari kaum Ansar, dari Qabilah al-Khazraj. Rasulullah ﷺ pernah mendoakannya dengan berkata:

اَللّٰهُمَّ اَيِّدْهُ بِرُوْحِ الْقُدُسِ


“Ya Allah! Bantulah dia dengan Ruh al-Quds (Jibril عليه السلام).”

Rasulullah ﷺ juga pernah menghadiahkan beliau seorang hamba perempuan berbangsa Qibti yang telah dihadiahkan oleh Raja Mesir al-Muqawqis kepada Baginda yang bernama Sirin Bint Sham'un. Sirin Bint Sham'un adalah saudara perempuan (adik beradik) kepada Mariyah al-Qibtiyyah yang memeluk Islam dan dikahwini oleh Rasulullah ﷺ. Sirin Bint Sham'un lalu memeluk Islam dan berkahwin dengan Hassan Ibn Thabit رضي الله عنه dan mereka dikurniakan anak bernama Abd al-Rahman. Di antara syair beliau yang amat mayshur di dalam memuji Rasulullah ﷺ adalah:

كَأَنَّكَ قَدْ خُلِقْتَ كَمَا تَشَاءُ	خُلِقْتَ مُبْرَأً مِنْ كُلِّ عَيْبٍ
Seolah-olah engkau diciptakan sepertimana engkau kehendaki	Engkau diciptakan dengan (sempurna), terpelihara dari segala keaiban
وَأَفْضَلُ مِنْكَ لَمْ تَلِدِ النِّسَاءُ	فَأَجْمَلُ مِنْكَ لَمْ تَرَ قَطُّ عَيْنِي
Dan mana-mana wanita tidak pernah melahirkan bayi yang lebih mulia daripadamu	Maka kedua-dua mataku ini tidak pernah melihat sesuatu yang lebih cantik/ indah daripadamu

Syair ini sering diungkap di dalam majlis-majlis Mawlid Nabi ﷺ.

1.10 Pengenalan Kitab “40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba”



Kitab “*al-Arba‘un fi Shiddat Tahrim al-Riba*” adalah merupakan salah satu juzu’, iaitu juzu’ ke-30 daripada siri 40 hadith di dalam 40 bab agama yang dihimpunkan oleh al-Shaykh Yusuf al-Nabhani. Kitab ini mengandungi empat puluh hadith berkenaan riba dan diakhiri dengan satu *khatimah* (penutup) dan *tanbih* (ulasan penting).

Penterjemah/ editor telah melakukan beberapa penambahan di dalam kitab ini iaitu:

- Meletakkan tajuk bagi setiap hadith.
- Meletakkan ulasan ringkas di beberapa bahagian.
- Meletakkan pendahuluan berkenaan latar belakang pengarang.
- Meletakkan pendahuluan berkenaan riba’.
- Menambah perbahasan penutup berkenaan dengan cara bertaubat dari harta riba.
- Menambah beberapa lampiran yang relevan.

PENDAHULUAN BERKENAAN RIBA'

2.1 Definisi

Perkara pertama berkenaan “riba” yang perlu dibincangkan adalah definisi atau takrifnya. Takrif bermaksud:

جَعَلَ الشَّيْءَ مَعْلُومًا بَعْدَ أَنْ كَانَ مَجْهُولًا

“Menjadikan sesuatu perkara diketahui selepas ianya belum diketahui”.

Takrif pada umumnya merujuk kepada dua perkara: (i) menyingkap hakikat sesuatu perkara, dan (ii) menyingkap ciri-ciri sesuatu perkara yang membezakannya dari yang lain.

2.1.1 Dari Sudut Bahasa

Riba' berasal dari perkataan “(رَبَا يَرْبُو رَبْوًا، وَرُبُوًا وَرَبَاءً)”. Maksud asalnya adalah *al-ziyādah*, iaitu pertambahan atau bertambah.

2.1.2 Dari Sudut Istilah

Riba dari sudut istilah ditakrifkan oleh para ulama' seperti berikut:

1.	Hanafiyyah	فَضْلٌ مَالٍ بَلَا عَوْضٍ فِي مُعَاوَضَةِ مَالٍ بِمَالٍ “Pertambahan harta tanpa tukar ganti di dalam pertukaran sesuatu harta dengan harta yang lain.” R: <i>Hafiz al-Din al-Nasafi - Kanz al-Daqa'iq</i> فَضْلٌ خَالٍ عَنْ عَوْضٍ بِمِغْيَارٍ شَرْعِيٍّ مَشْرُوطٍ لِأَحَدٍ
----	------------	--

		الْمُتَعَاقِدَيْنِ فِي الْمَعَاوِضَةِ “Pertambahan yang tidak mempunyai tukar ganti menurut prinsip Shariat yang disyaratkan bagi salah seorang pihak yang berkontrak di dalam akad pertukaran.” <i>R: Ibn ‘Abidin – Hashiyat Ibn ‘Abidin</i>
2.	Malikiyyah	Mālikiyyah mentakrifkan setiap jenis riba’ dengan takrifan yang tersendiri.
3.	Shafi‘iyyah	عَقْدٌ عَلَى عَوَضٍ مَخْصُوصٍ غَيْرِ مَعْلُومِ التَّمَاثُلِ فِي مِغْيَارِ الشَّرْعِ حَالَةَ الْعَقْدِ أَوْ مَعَ تَأْخِيرٍ فِي الْبَدَلَيْنِ أَوْ أَحَدِهِمَا “Akad ke atas tukar ganti yang khusus tanpa diketahui berlakunya kesamaan kuantiti menurut prinsip Shariah sewaktu akad atau dengan menangguhkan kedua-dua barang pertukaran atau salah satu daripada kedua-duanya.” <i>R: al-Khatib al-Sharbini – Mughni al-Muhtaj</i>
4.	Hanabilah	تَفَاضُلٌ فِي أَشْيَاءَ، وَنَسْءٌ فِي أَشْيَاءَ، مُحْتَصٌّ بِأَشْيَاءَ وَرَدَ الشَّرْعُ بِتَحْرِيمِهَا - أَيْ تَحْرِيمِ الرِّبَا فِيهَا - نَصًّا فِي الْبَعْضِ، وَقِيَاسًا فِي الْبَاقِي مِنْهَا “Berlakunya ketidaksaan kuantiti pada beberapa harta, dan penangguhan pada beberapa harta, yang khusus dengan harta-harta yang telah datang dari Shariah tentang pengharamannya (harta ribawi), secara nas pada sebahagiannya, dan secara analogi pada sebahagian yang lain.” <i>R: al-Buhuti - Khashshaf al-Qinā’ & Mustafa al-Suyuti al-Ruhaybani - Matalib Uli al-Nuha</i>

2.2 Jenis-Jenis Riba

Para ulama' membahagikan riba' kepada dua jenis riba' iaitu:

1. Riba' Hutang atau Pinjaman (*Riba' al-Duyun* atau *al-Qurud*)
2. Riba' Jual-beli (*Riba al-Buyu'*)


Majoriti ulama' kemudiannya membahagikan riba' jual-beli kepada dua jenis iaitu:

1. Riba' al-Fadl (Riba' Lebihan)
2. Riba' al-Nasi'ah (Riba' Penangguhan)

Namun begitu, ulama' Shāfi'yyah membahagikan riba' jual-beli kepada tiga jenis iaitu:

1. Riba' al-Fadl (Riba' Lebihan)
2. Riba' al-Nasi'ah (Riba' Penangguhan)
3. Riba' al-Yad (Riba' Tangan)

Gambarajah 1: Jenis-jenis Riba'



Perbezaan di antara majoriti ulama' dan Shafi'yyah ini sebenarnya terbit dari perbezaan di antara mereka dalam meletakkan syarat jual-beli harta *ribawi*. Majoriti ulama' meletakkan dua syarat sahaja bagi jual-beli harta *ribawi* dari jenis yang sama seperti jual-beli tamar dengan tamar, iaitu:

- (i) *al-Tamathul* (Kuantiti yang sama bagi kedua-dua barang pertukaran); dan
- (ii) *al-Taqabud* (Penyerahan secara lani bagi kedua-dua barang pertukaran di dalam majlis akad)

Shafi'iyah pula meletakkan tiga syarat bagi jual-beli item ribawi iaitu:

- (i) *al-Hulul* (*Istihqaq* serta merta);
- (ii) *al-Tamathul* (Kuantiti yang sama bagi kedua-dua barang pertukaran); dan
- (iii) *al-Taqabud* (Penyerahan secara lani bagi kedua-dua barang pertukaran di dalam majlis akad)

Di sisi Shafi'iyah, *riba' al-yad* berlaku apabila berlaku penangguhan penyerahan barang (*qabd*) di dalam jual beli harta ribawi yang dilakukan secara lani. *Riba' al-nasiah* pula berlaku apabila *istihqaq* bagi jual-beli harta ribawi tersebut disepekati secara tangguh. Jadual di bawah menunjukkan implikasi perbezaan syarat-syarat jual-beli harta *ribawi* di antara Jumhur dan Shafi'iyah.

Jadual 1: Implikasi Perbezaan Syarat-Syarat Jual-Beli Harta *Ribawi* Di Antara Jumhur Dan Shafi'iyah

Syarat-syarat Jual-Beli Harta Ribawi Dalam Kategori Yang Sama		Implikasi
Oleh:	Adalah:	Jika syarat-syarat tidak dipenuhi maka, riba' yang terjadi adalah:
Majoriti ulama'	i. al-Taqabud ii. al-Tamathul	i. Riba al-Nasi'ah ii. Riba al-Fadl
al-Shafi'iyah	i. al-Hulul ii. al-Taqabud iii. al-Tamathul	i. Riba al-Nasi'ah ii. Riba al-Yad iii. Riba al-Fadl

2.3 Riba' Hutang (Riba' al-Duyūn)

Riba' hutang juga dikenali sebagai:

1.	<i>Ribā al-qurūd</i>	Riba pinjaman: kerana riba ini biasanya berlaku melalui akad pinjaman.
2.	<i>Ribā al-jalī</i>	Riba yang jelas: kerana pengharamannya adalah jelas dan hikmah pengharamannya juga jelas dan mudah difahami.
3.	<i>Ribā al-Qur'ān</i>	Riba' al-Qur'an: kerana larangannya datang di dalam al-Qur'an.
4.	<i>Ribā al-Jāhiliyyah</i>	Riba' Jahiliyyah: kerana ia adalah riba' yang berleluasa diamalkan oleh masyarakat Arab jahiliyyah.
5.	<i>Ribā al-Nasī'ah</i>	Riba' Penangguhan: kerana ia bertambah apabila ditangguhkan.

Riba' hutang merujuk kepada “*tambahan yang disyaratkan/dikenakan ke atas hutang yang baru atau hutang yang telah matang dan ditangguhkan kepada tarikh yang baru.*” Hutang tersebut boleh terjadi daripada pelbagai punca seperti pinjaman, jual-beli kredit dan gantirugi.

2.3.1 Peringkat Pengharaman Riba al-Duyun

Sebahagian para ulama' menyatakan bahawa Riba (Hutang) diharamkan secara berperingkat-peringkat melalui empat fasa.

Fasa Pertama: Sedikit Celaan bagi Riba

Ayat di dalam surah al-Rum yang diturunkan di Mekah beberapa tahun sebelum penghijrahan Nabi ﷺ. Firman Allah ﷻ (al-Rum(30):39):

وَمَا آتَيْتُم مِّن رَّبٍّ لَّيْرُبُوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُم مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ
وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ ﴿٣٩﴾

“[39] Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.”

Ayat ini mengandungi sedikit celaan kepada Riba dan pujian bagi Zakat atau sedekah. Dan ayat ini diturunkan sebelum kefarduan Zakat.

Fasa Kedua: Pengharaman Riba' ke atas Kaum Yahudi

Ia adalah merujuk kepada Firman Allah SWT (al-Nisa'(4):160-161):

فَإِظْلَمَ مِنَ الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَاتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَنِ سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿١٦٠﴾

“[160] Maka disebabkan kezaliman yang amat besar dari perbuatan orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka, dan disebabkan mereka banyak menghalang manusia dari jalan Allah.

وَأَخَذَهُمُ الرَّبُّوْا وَقَدْ نُهِوا عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ ۖ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦١﴾

[161] Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). Dan (ingatlah) Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

Ayat ini merupakan perkhabaran tentang pengharaman riba ke atas umat terdahulu iaitu Yahudi. Dan ayat ini merupakan satu isyarat bahawa riba’ akan diharamkan ke atas umat Islam sepertimana ia telah diharamkan ke atas kaum Yahudi.

Fasa Ketiga: Pengharaman Riba Yang Melampau

Ia adalah merujuk kepada ayat di surah Āli ‘Imran di mana Allah ﷻ berfirman (Ali ‘Imran:130-132):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾

“[130] Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾

[131] Dan peliharalah diri kamu dari api neraka, yang disediakan bagi orang-orang kafir.

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

[132] Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, supaya kamu diberi rahmat.”

Ayat ini mengandung larangan yang jelas terhadap pengambilan riba. Namun begitu ia masih merujuk kepada riba yang melampau dan masih tidak terdapat padanya ancaman keras dan janji azab bagi pengamalnya.

Fasa Keempat: Larangan Yang Sangat Keras

Fasa ini merujuk kepada ayat-ayat di bahagian akhir surah al-Baqarah. Allah ﷻ berfirman (al-Baqarah:275-279):

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ
ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ
رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا
خَالِدُونَ

“[275] Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُزِيلُ الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ

[276] Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa.

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

[277] Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka peroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾

[278] Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ
لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

[279] Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”

Ayat ini merupakan satu pengharaman yang jelas terhadap riba hutang. Dan sebahagian para ulama' menyatakan bahawa ia adalah ayat terakhir yang diturunkan oleh Allah ﷻ di dalam al-Quran.

2.4 Riba Jual-Beli (Riba al-Buyū‘)

Riba jual beli dikenali sebagai *riba al-buyu‘*. Ia juga dikenali sebagai:

1.	<i>Ribā al-Sunnah</i>	Riba’ Sunnah: kerana pengharamannya datang di dalam Sunnah Rasulullah ﷺ.
2.	<i>Ribā al-Khafī</i>	Riba yang tersembunyi: kerana pengharamannya serta hikmah pengharamannya agak tersembunyi berbanding riba’ hutang.
3.	<i>Ribā al-faḍl</i>	Riba’ lebihan
4.	<i>Ribā al-naqd</i>	Riba’ tunai

Larangan riba jual-beli hanya terpakai ke atas harta-harta *ribawi* yang dijual-beli dengan tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Para ulama’ bersepakat bahawa emas, perak, gandum, barli, tamar, garam dan anggur kering (kismis) adalah harta-harta *ribawi*. Kemudian, mereka berbeza pandangan berkenaan ‘illah bagi harta-harta ribawi tersebut.

Untuk perincian hukum, rujuk ulasan di hadith No. 2 (ms. 25).

2.5 Hukum Pinjaman dan Jual-Beli Riba

Hukum Shar‘i bagi pinjaman dan jual-beli riba boleh dibahagikan kepada hukum taklifi dan hukum wad‘i.

2.5.1 Hukum Shar‘i Taklifi:

Riba – sama ada riba hutang atau jual-beli – adalah haram di sisi Islam dan merupakan dosa besar. Orang yang melakukannya perlulah bertaubat dengan segera dan mengembalikan hak pihak lain yang diambil melalui pinjaman atau urusniaga riba’.

2.5.2 Hukum Shar'i Wad'i:

Dalam pinjaman yang diberi dengan syarat riba, pihak yang memberi pinjaman hanya berhak mengambil jumlah pokok sahaja dan caj riba' tambahan adalah terbatal.

Jual-beli riba (*bay' al-riba*) pula dihukum *fasid* di sisi Hanafiyyah dan *batil* di sisi majoriti ulama'. Ini adalah kerana larangannya telah datang di dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan jelas.

“40 HADITH BERKENAAN KETEGASAN PENGHARAMAN RIBA”



Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Segala pujian hanyalah bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،

Dan selawat dan salam buat Penghulu kita (Nabi) Muhammad (ﷺ), Penghulu sekalian rasul, dan bagi ahli keluarga Baginda serta para sahabat Baginda kesemuanya.

أَمَّا بَعْدُ،

Adapun selepas itu:

فَهَذِهِ أَرْبَعُونَ حَدِيثًا فِي شِدَّةِ تَحْرِيمِ الرَّبَا

Maka ini adalah empat puluh (40) hadith berkenaan ketegasan pengharaman riba.

(1) [Pihak Yang Berkaitan Dalam Urusniaga Riba Kesemuanya Dilaknat oleh Rasulullah ﷺ]

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:
((لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ آكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَيْهِ)) ، وَقَالَ: ((هُمْ سَوَاءٌ))
رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Jabir رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ melaknat pemakan riba, pemberi riba, penulis/ pencatat riba dan dua orang saksi bagi riba.”

Dan Baginda bersabda: “Mereka semua adalah sama.”

(Imam) Muslim telah meriwayatkan hadits ini.

Ulasan:

Laknat bermaksud:

“Pengusiran / penghalauan daripada rahmat Allah ﷻ dan Rasulullah ﷺ”

(2) [Kaedah Berjual-beli Bagi Harta Ribawi]

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ، وَالتَّمْرُ
بِالتَّمْرِ، وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ، مِثْلًا بِمِثْلٍ، سَوَاءٌ بِسَوَاءٍ، يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ
الْأَصْنَافُ، فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ))
رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada ‘Ubadah Ibn al-Samit رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“(Apabila kamu menjual) Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, (maka hendaklah jual-beli tersebut dilakukan secara) misal dengan misal, sama dengan sama, lani dengan lani.

Maka apabila jenis-jenis harta ini berbeza, maka jual-belilah ia sepertimana kamu kehendaki sekiranya ia dilakukan secara lani dengan lani.”

(Imam) Muslim telah meriwayatkan hadith ini.

Ulasan:

Jadual di bawah menerangkan syarat jual-beli bagi semua harta *ribawi*¹ yang disebut (*manṭūq/ manṣūṣ*) di dalam hadith di atas.

¹ Harta *ribawi*: Harta yang tertakluk kepada undang-undang pengharaman riba di dalam Islam.

Kategori	Jenis I			Jenis II			
	Item	Emas	Perak	Gandum	Barli	Tamar	Garam
Jenis I	Emas	2	1	0	0	0	0
	Perak	1	2	0	0	0	0
Jenis II	Gandum	0	0	2	1	1	1
	Barli	0	0	1	2	1	1
	Tamar	0	0	1	1	2	1
	Garam	0	0	1	1	1	2

Maksud nombor-nombor di atas:

2	Dua syarat: (i) <i>Tamathul</i> : Kuantiti yang sama (walaupun berbeza kualiti), (ii) <i>Taqabud</i> : Penyerahan kedua-dua harta ribawi secara lani (di dalam majlis akad).
1	Satu syarat sahaja: (i) <i>Taqabud</i> : Penyerahan kedua-dua harta ribawi secara lani (di dalam majlis akad).
0	Kedua-dua <i>tamathul</i> dan <i>taqabud</i> tidak disyaratkan.

Formula Mudah:

Jenis sama, item sama	J I, Emas = J I, Emas J II, Tamar = J II, Tamar	= 2
Jenis sama, item berbeza	J I, Emas = J I, Perak J II, Tamar = J II, Barli	= 1
Dua jenis berbeza	J I, Emas = J II, Tamar J I, Perak = J II, Barli	= 0

Hikmah:

Kategori		Jenis I		Jenis II			
	Item	Emas	Perak	Gandum	Barli	Tamar	Garam
Jenis I	Emas	JUAL BELI WANG: Dikawal ketat		JUAL BELI NORMAL: Dimudahkan			
	Perak						
Jenis II	Gandum	JUAL BELI NORMAL: Dimudahkan		JUAL BELI BARTER (MAKANAN): Tidak digalakkan			
	Barli						
	Tamar						
	Garam						

Para ulama' berbeza pandangan tentang 'illah harta ribawi seperti berikut:

	Kategori I (Emas & Perak)	Kategori II (Gandum, Barli, Tamar & Garam)
Hanafiyyah	Semua harta yang dijual secara timbangan (<i>mawzun</i>)	Semua harta yang dijual-beli secara sukatan (<i>makil</i>)
Malikiyyah	<i>Naqdiyyah / Thamaniyyah</i>	Makanan (<i>iqtiyat, islah al-iqtiyat & iddikhar</i>)
Shafi'iyah	<i>Naqdan</i> : Duit Emas dan Perak, tidak termasuk Fulus	Makanan (<i>iqtiyat, tafakkuh & tadawi</i>)
Hanabilah (<i>zahir al-madhhab</i>)	Semua harta yang dijual secara timbangan (<i>mawzun</i>)	Semua harta yang dijual-beli secara sukatan (<i>makil</i>)
Zahiriyyah	Hanya emas dan perak	Hanya gandum, barli, tamar, garam dan anggur kering.

(3) [Larangan Riba al-Fadl di dalam Jual-beli Harta Ribawi]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ، وَالتَّمْرُ
بِالتَّمْرِ، وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ، مِثْلًا بِمِثْلٍ، يَدًا بِيَدٍ، فَمَنْ زَادَ أَوْ اسْتَزَادَ، فَقَدْ أَرَبَى، الْآخِذُ
وَالْمُعْطِي فِيهِ سَوَاءٌ))
(رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Daripada Abu Sa'id al-Khudri رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“(Apabila kamu menjual) Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, (maka hendaklah jual-beli tersebut dilakukan secara) misal dengan misal, lani dengan lani.

Maka barangsiapa yang menambah atau meminta tambahan, sesungguhnya dia telah melakukan riba’. Orang yang mengambil (riba) dan orang yang memberi (riba) adalah sama padanya (perbuatan riba’).”

(Imam) Muslim telah meriwayatkan hadith ini.

(4) [Larangan Riba al-Nasi'ah di dalam Jual-beli Harta Ribawi]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ (الْخُدْرِيِّ) رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، وَلَا تُشَفُّوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا
تَبِيعُوا الْوَرِقَ بِالْوَرِقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، وَلَا تُشَفُّوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا
غَائِبًا بِنَاجِزٍ))
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Abu Sa'id al-Khudri رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ juga, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Janganlah kamu jual-beli emas dengan emas melainkan misal dengan misal, dan janganlah kamu menambah sebahagiannya ke atas sebahagian yang lain, dan janganlah kamu jual-beli perak dengan perak melainkan misal dengan misal, dan janganlah kamu menambah sebahagiannya ke atas sebahagian yang lain, dan janganlah jual-beli sesuatu daripadanya yang ghaib (tiada dalam majlis akad) dengan yang lani.”

Muttafaq ‘alayh [(Imam) al-Bukhari dan (Imam) Muslim telah meriwayatkan hadith ini].

وَفِي رِوَايَةٍ: لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ، وَلَا الْوَرِقَ بِالْوَرِقِ، إِلَّا وَزْنًا بِوَزْنٍ (مِثْلًا
بِمِثْلٍ سَوَاءٍ بِسَوَاءٍ)

Dan di dalam riwayat yang lain, (lafaznya berbunyi):

“Janganlah kamu menjual emas dengan emas, dan perak dengan perak, melainkan dengan dua timbangan yang sama, misal dengan misal, sama dengan sama.”

تُشِفُّوْا: تَزِيدُوْا

“Tushiffū” bermakna: kamu menambah.

(5) [Makanan adalah Harta Ribawi]

عَنْ مَعْمَرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رضي الله عنه قَالَ: كُنْتُ أَسْمَعُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:
((الطَّعَامُ بِالطَّعَامِ مِثْلًا بِمِثْلِ))

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Ma'mar Ibn Abdullah رضي الله عنه, beliau berkata: Saya pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“(Jual-beli) makanan dengan makanan perlulah dilakukan secara misal dengan misal.”

(Imam) Muslim telah meriwayatkan hadits ini.

Ulasan:

1. Hadith ini menjadi dalil bagi ulama' mazhab al-Shafi'i yang menjadikannya sebagai tafsiran 'illah bagi empat harta ribawi yang disebut di dalam hadith yang ke-2 dan ke-3 iaitu gandum, barli, tamar dan garam. Hadith ini menyebut makanan secara umum (*kulli*), manakala hadith ke-2 dan ke-3 sebelum ini menyebut empat makanan tersebut sebagai sebahagian (*juz'i*).

2. Sifat umum yang disebut di dalam hadits ini iaitu “makanan” dijadikan ‘illah harta ribawi oleh mazhab al-Shafi’i. Ini adalah merupakan tafsiran hadits dengan hadits.

3. Makanan di sisi mazhab Shafie merangkumi setiap yang dimakan sebagai *iqtiyat* (makanan asas), *tafakkuh* (merasa enak seperti buah-buahan), atau *tadawi* (tujuan berubat).

(6) [Riba Jual-Beli]

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :
((الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ ، وَالْوَرِقُ بِالْوَرِقِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ))
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada ‘Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“(Jual-beli) emas dengan emas adalah riba melainkan sama dengan sama; perak dengan perak adalah riba melainkan sama dengan sama; gandum dengan gandum adalah riba melainkan sama dengan sama; barli dengan barli adalah riba melainkan sama dengan sama; tamar dengan tamar adalah riba melainkan sama dengan sama.”

Muttafaq ‘alayh [(Imam) al-Bukhari dan (Imam) Muslim telah meriwayatkan hadits ini].

الْوَرِقُ: الْفِضَّةُ

Al-Wariq itu adalah perak.

**(7) [Rasulullah ﷺ Melarang Jual-Beli Tamar dengan Tamar
Jika Berlaku *Riba al-Buyu'* dan Menggalakkan Jual-Beli
Biasa]**

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ:
((أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْبَرَ فَجَاءَهُ بِتَمْرٍ جَنِيبٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ
ﷺ: ((أَكُلْتُ تَمْرَ خَيْبَرَ هَكَذَا؟)) قَالَ: لَا، وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ
هَذَا بِالصَّاعَيْنِ، وَالصَّاعَيْنِ بِالثَّلَاثَةِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((لَا تَفْعَلْ، بَعِ الْجَمْعَ
بِالدَّرَاهِمِ، ثُمَّ ابْتَغِ بِالدَّرَاهِمِ جَنِيبًا))، وَقَالَ فِي الْمِيزَانِ مِثْلَ ذَلِكَ.
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

الْجَنِيبُ: نَوْعٌ جَيِّدٌ مِنَ التَّمْرِ

Daripada Abu Sa'id al-Khudri رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ dan Abu Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, mereka berdua meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah melantik seorang lelaki sebagai amilnya di Khaybar. Lelaki itu pun datang kepada Baginda membawa tamar yang bermutu tinggi. Maka Rasulullah ﷺ pun bersabda kepadanya: Adakah semua buah tamar Khaybar seperti ini?. Dia menjawab: Tidak, demi Allah, wahai Rasulullah, kami mengambil satu gantang daripada tamar jenis ini dengan menukarkannya dengan dua gantang jenis yang lain, dan dua gantang jenis ini dengan tiga gantang jenis yang lain.

Maka Rasulullah ﷺ pun bersabda: Jangan kamu lakukannya lagi. Juallah kelompok tamar biasa tersebut dengan dirham, kemudian belilah tamar yang bermutu tinggi dengan dirham yang diperolehi tersebut.

Dan Baginda ﷺ menyatakan perkara yang sama bagi (harta *ribawi*) yang dijual secara timbangan.”

Muttafaq ‘alayh [(Imam) al-Bukhari dan (Imam) Muslim telah meriwayatkan hadits ini].

(8) [Rasulullah ﷺ Melarang Bila ؓ Daripada Jual-Beli Tamar Secara Barter Jika Berlaku Riba al-Buyu‘]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ؓ، قَالَ: جَاءَ بِلَالٌ (ؓ) إِلَى النَّبِيِّ ﷺ بِتَمَرٍ بَرْنِيٍّ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ ﷺ: ((مِنْ أَيْنَ هَذَا؟))، قَالَ بِلَالٌ (ؓ): كَانَ عِنْدَنَا تَمْرٌ رَدِيٌّ فَبِعْتُ مِنْهُ صَاعَيْنِ بِصَاعٍ لِنُطْعِمَ النَّبِيَّ ﷺ. فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ عِنْدَ ذَلِكَ: ((أَوْهَ أَوْهَ، عَيْنُ الرَّبَا، عَيْنُ الرَّبَا، لَا تَفْعَلْ، وَلَكِنْ إِذَا أَرَدْتَ أَنْ تَشْتَرِيَ فَبِعِ التَّمْرَ بِبَيْعٍ آخَرَ، ثُمَّ اشْتَرِهِ)) مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ
الْبَرْنِيُّ: نوع جيد من التمر مدور أحمر مُشْرَبٌ بصفرة، ويقال: نَخْلُ بَرْنِيٍّ، ونخلة بَرْنِيَّةٌ. أَوْهَ: إسمٌ فِعْلٍ لِلْمُضَارَعِ بِمَعْنَى اتَّوَجَّعَ. أَوْهَ مَبْنِيٌّ عَلَى السُّكُونِ وَفَاعِلُهُ ضَمِيرٌ مُسْتَتِرٌ فِيهِ وَجُوبًا تَقْدِيرُهُ أَنَا

Daripada Abu Sa‘id al-Khudri ؓ, beliau berkata:

“Bilal ؓ telah datang kepada Nabi ﷺ dengan tamar *barnī* (sejenis tamar bermutu tinggi yang berbentuk bulat berwarna merah dengan sedikit warna kekuningan). Maka Rasulullah ﷺ bersabda kepadanya: Dari mana tamar ini?. Bilal ؓ berkata: Kami mempunyai tamar yang kurang bermutu, lalu saya menjualnya sebanyak dua gantang dengan satu gantang tamar (*barnī*) untuk kami memberikannya kepada Nabi ﷺ.

Maka di ketika itu, Nabi ﷺ pun bersabda: Aduh, aduh. Itu adalah hakikat riba, hakikat riba. Janganlah kamu melakukannya. Akan tetapi, sekiranya kamu ingin membelinya, maka juallah tamar kurang bermutu dengan jual-beli biasa yang lain, kemudian belilah ia (tamar *barnī* tersebut) dengannya (duit yang diperolehinya tersebut).”

Muttafaq ‘alayh [(Imam) al-Bukhari dan (Imam) Muslim telah meriwayatkan hadits ini].

(9) [Larangan Jual-Beli Barter Bagi Tamar Yang Tidak Diketahui Sukatannya]

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: ((نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الصُّبْرَةِ مِنَ التَّمْرِ، لَا يُعْلَمُ مَكِيلَتُهَا بِالْكَيْلِ الْمُسَمَّى مِنَ التَّمْرِ)) رَوَاهُ مُسْلِمٌ	الصُّبْرَةُ: الْكُومَةُ مِنَ الطَّعَامِ، اشْتَرَى الطَّعَامَ صُبْرَةً: جَزَافًا، أَيْ بِلَا كَيْلٍ أَوْ وَزْنٍ
---	---

Daripada Jabir رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ melarang jual-beli satu pukal daripada buah tamar yang tidak diketahui sukatananya dengan satu sukatan yang dinyatakan (diketahui) sukatananya daripada tamar (yang lain).”

(Imam) Muslim telah meriwayatkan hadits ini.

(10) [Rasulullah ﷺ Mengajarkan Kaedah Shariat Berkenaan Jual-Beli Emas dengan Emas]

عَنْ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ رضي الله عنه، قَالَ: ((اشْتَرَيْتُ يَوْمَ خَيْبَرَ قِلَادَةً بِاثْنَيْ عَشَرَ دِينَارًا فِيهَا ذَهَبٌ وَخَرَزٌ، فَقَصَّصْتُهَا، فَوَجَدْتُ فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ اثْنَيْ عَشَرَ دِينَارًا، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: لَا تُبَاعَ حَتَّى تُفْصَلَ)) رَوَاهُ مُسْلِمٌ	القِلَادَةُ: مَا يُجْعَلُ فِي الْعُنُقِ مِنْ حَلْيٍ وَنَحْوِهِ
---	---

Daripada Fudalah Ibn ‘Ubayd رضي الله عنه, beliau berkata:

“Saya telah membeli sebuah rantai dengan harga dua belas (12) dinar pada hari Khaybar, padanya ada emas dan pengikat. Maka saya pun memisahkan emas tersebut dari pengikatnya dan saya mendapati emas yang terdapat padanya lebih banyak daripada dua belas (12) dinar, dan saya memberitahu perkara ini kepada Nabi ﷺ.

Baginda bersabda: Ia tidak boleh dijual (dengan emas atau dinar yang lain) sehinggalah dipisahkan (di antara emas dan pengikat tersebut).”

(Imam) Muslim telah meriwayatkan hadith ini.

(11) [Zaman Riba' Berleluasa Di Atas Muka Bumi Akan Tiba]²

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:
((لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ، لَا يَبْقَى أَحَدٌ إِلَّا أَكَلَ الرَّبَا، فَإِنْ لَمْ يَأْكُلْهُ أَصَابَهُ مِنْ
بُخَارِهِ))، وَيُرْوَى: ((مِنْ غُبَارِهِ))
رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَهٍ

Daripada Abu Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan dari Rasulullah ﷺ bahawa sesungguhnya Baginda telah bersabda:

“Pasti akan datang satu masa kepada seluruh manusia, tidak ada seorang pun dari kalangan mereka melainkan dia telah memakan harta riba.

Dan sekiranya dia tidak memakannya, pasti dia akan terkena sebahagian dari asapnya” dan diriwayatkan juga “daripada debunya.”

Imam Ahmad, (Imam) Abu Dawud, (Imam) al-Nasa’i dan (Imam) Ibnu Majah telah meriwayatkan hadith ini.

² Penterjemah: Zaman kita ini adalah bukti yang amat ketara bagi manifestasi hadith ini. Sistem kewangan dan perbankan moden konvensional serta institusi kredit yang berasaskan riba' sama ada dalam bentuk deposit, pelaburan dan pembiayaan serta pembayaran menjadi komponen asas di dalam sistem ekonomi di mana hampir semua orang terlibat di dalamnya termasuk masyarakat Islam yang ramai. Sistem riba berlaku di semua peringkat sama ada antara negara di peringkat antarabangsa, hutang dan pembiayaan sesama kerajaan pusat dan negeri, negeri dengan negeri yang lain, bahkan di peringkat yang sangat mikro. Semoga Allah ﷻ memelihara kita dan memaafkan kita. Namun begitu, kita wajib berusaha untuk berubah ke arah sistem kewangan dan ekonomi Islam sebaik yang kita mampu.

(12) [Rasulullah ﷺ Melarang Jual-Beli Tamar Kering dan Tamar Basah Secara Barter]

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ :
سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ سُئِلَ عَنْ شِرَاءِ التَّمْرِ بِالرُّطْبِ . فَقَالَ : ((أَيْنُقْصُ الرُّطْبُ إِذَا
يَبَسَ ؟)) . فَقَالُوا : نَعَمْ . ((فَتَهَا عَنْ ذَلِكَ))
رَوَاهُ مَالِكٌ وَالتِّرْمِذِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَهَ

Daripada Sa'd Ibn Abu Waqqas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ ditanya tentang jual-beli tamar kering dengan tamar basah. Maka Baginda bersabda: Bukankah tamar basah itu berkurangan (beratnya) apabila ia menjadi kering?. Mereka (para sahabat رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ) berkata: Ya. Maka Baginda pun melarangnya daripada jual-beli tersebut.”

(Imam) Malik, (Imam) al-Tirmidhi, (Imam) Abu Dawud, (Imam) al-Nasa'i dan (Imam) Ibnu Majah telah meriwayatkan hadith ini.

Ulasan:

Hadith ini menunjukkan bahawa kekeringan atau kelembapan harta *ribawi* diambil kira di dalam syarat *al-mumathalah* (kuantiti yang sama).

(13) [Larangan Jual-Belia Haiwan dengan Haiwan Secara Tangguh]

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رضي الله عنه :
((أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ : نَهَى عَنْ بَيْعِ الْحَيَوَانِ بِالْحَيَوَانِ نَسِيئَةً))
رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَةٍ وَالدَّارِمِيُّ

Daripada Samurah Ibn Jundub رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Nabi ﷺ melarang daripada jual-beli haiwan dengan haiwan secara tangguh.”

(Imam) al-Tirmidhi, (Imam) Abu Dawud, (Imam) al-Nasa'i, (Imam) Ibn Majah dan (Imam) al-Darimi telah meriwayatkan hadith ini.

Ulasan:

Hadith ini dilihat bertentangan dengan penjelasan para ulama' bahawa haiwan bukanlah termasuk di dalam kategori harta ribawi. Sebahagian ulama' menyatakan riwayat ini tidak muktamad dan berbeza dengan amalan para Sahabat رضي الله عنهم. Sebahagian ulama' pula mentafsirkan bahawa ia merujuk kepada larangan jual-beli haiwan yang tidak dimiliki oleh seseorang (Ibn Qutaybah - Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith).

(14) [Larangan Jual-Beli Haiwan dengan Daging]

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ مُرْسَلًا:
((أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ اللَّحْمِ بِالْحَيَوَانِ))
قَالَ سَعِيدٌ: كَانَ مِنْ مَيْسِرِ أَهْلِ الْجَاهِلِيَّةِ
رَوَاهُ الْبَغَوِيُّ فِي شَرْحِ السُّنَّةِ

Daripada Sa'id Ibn al-Musayyib/ al-Musayyab, beliau meriwayatkan secara *mursal* bahawa:

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ melarang jual-beli daging dengan haiwan.”

Sa'id (Ibn al-Musayyib/ al-Musayyab) telah berkata: Ia adalah daripada judi orang Jahiliyyah.

(Imam) al-Baghawi telah meriwayatkannya di dalam “*Sharḥ al-Sunnah*”.

(15) [Riba adalah Penangguhan - Sekiranya Kategori Harta Ribawi adalah Sama]

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا:
((أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: الرَّبَا فِي النَّسِيئَةِ، وَفِي رِوَايَةٍ، قَالَ: لَا رَبَا فِيمَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ))

Daripada Usamah Ibn Zayd – semoga Allah meredai mereka berdua -, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

“Riba itu berlaku dalam penangguhan.”

Dan di dalam satu riwayat yang lain:

“Tidak ada riba sekiranya penyerahan dilakukan secara tangan dengan tangan iaitu secara lani.”

Muttafaq ‘alayh [(Imam) al-Bukhari dan (Imam) Muslim telah meriwayatkan hadith ini]

Ulasan:

Hadith ini merujuk kepada pertukaran dua harta ribawi yang berbeza di dalam jenis yang sama seperti pertukaran emas dengan perak, atau gandum dengan garam. Hanya satu syarat sahaja yang perlu dipatuhi iaitu *al-taqabud* (penyerahan kedua-dua barang pertukaran secara lani di dalam majlis akad).

(16) [Satu Dirham Riba Lebih Berat daripada Tiga Puluh Enam (36) Zina]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حَنْظَلَةَ غَسِيلِ الْمَلَائِكَةِ عليه السلام، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((دَرَاهِمُ رَبَا يَأْكُلُهُ الرَّجُلُ وَهُوَ يَعْلَمُ أَشَدُّ مِنْ سِتَّةٍ وَثَلَاثِينَ زَنِيَةً))
رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَالِدَارُقُطْنِيُّ

Daripada Abdullah³ عليه السلام Ibn Hanzalah⁴ عليه السلام “Orang yang dimandikan oleh para malaikat”, beliau berkata: Rasulullah ﷺ

“Satu dirham riba yang dimakan oleh seseorang dalam keadaan dia mengetahuinya adalah lebih dahsyat daripada tiga puluh enam (36) zina.”

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan al-Daruqutni.

وَرَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا وَزَادَ:
((مَنْ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنْ سُحْتٍ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ))

Dan al-Bayhaqi telah meriwayatkannya di dalam “Shu‘ab al-Iman” daripada (‘Abdullah عليه السلام) Ibn ‘Abbas عليه السلام dan beliau menambah:

³ Abdullah Ibn Hanzalah عليه السلام adalah tergolong dari kalangan *sighar al-sahabah*. Beliau sempat melihat Rasulullah ﷺ melakukan Tawaf di Masjidil Haram dengan menaiki unta. Beliau wafat pada tahun 63 Hijrah.

⁴ Hanzalah Ibn Abu ‘Amir عليه السلام adalah salah seorang daripada sahabat Rasulullah ﷺ daripada Bani Dabi‘ah, kaum Aws dari kalangan kaum Ansar. Beliau menyertai peperangan Uhud (tahun 3 Hijrah) setelah mendengar panggilan jihad sedangkan beliau masih dalam keadaan berjunub. Beliau telah syahid dibunuh dalam peperangan tersebut oleh Shadad Ibn al-Aswad al-Laythi dan Abu Sufyan Ibn Harb. Rasulullah ﷺ telah memberitahu bahawa para malaikat telah memandikan jenazah beliau. Sejak itu, beliau dikenali sebagai “*Ghasil al-Mala’ikah*” yang bermaksud “Orang yang dimandikan oleh para mala’ikat.”

“Barangsiapa yang tumbuh dagingnya daripada harta yang haram, maka api neraka adalah lebih layak untuknya.”

(17) [Riba Mempunyai Tujuh Puluh (70) Tingkatan Dosa]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((الرِّبَا سَبْعُونَ حُوبًا أَيْسَرُهَا أَنْ يَنْكِحَ الرَّجُلُ أُمَّهُ))
رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ وَابْنُ مَاجَهٍ

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Riba itu mempunyai tujuh puluh (70) dosa; riba yang paling ringan adalah seperti perbuatan seorang lelaki mengahwini/menyetubuhi ibunya.”

(Imam) al-Bayhaqi – dalam “Shu‘ab al-Iman” dan (Imam) Ibn Majah telah meriwayatkan hadith ini.

(18) [Riba Membawa kepada Kemiskinan dan Kekurangan]

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:
((الرِّبَا وَإِنْ كَثُرَ، فَإِنَّ عَاقِبَتَهُ تَصِيرُ إِلَى قُلٍّ))
رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَهٍ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ

Daripada (‘Abdullah) Ibnu Mas‘ud رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

“Riba itu, walau sebanyak mana pun, pasti kesudahannya (akibatnya) itu akan menjadi sedikit/kurang.”

Imam Ahmad, (Imam) Ibnu Majah dan (Imam) al-Bayhaqi di dalam “*Shu‘ab al-Iman*” telah meriwayatkan hadits ini.

(19) [Para Pemakan Riba Mempunyai Perut Yang Besar Dan Dipenuhi Ular]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((أَتَيْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي بِي عَلَى قَوْمٍ بَطُونُهُمْ كَالْبَيْتِ فِيهَا الْحَيَّاتُ تُرَى مِنْ خَارِجِ
بُطُونِهِمْ، فَقُلْتُ: مَنْ هَؤُلَاءِ يَا جِبْرَائِيلُ؟، قَالَ: هَؤُلَاءِ أَكَلَةُ الرِّبَا))
رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَةٍ

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Pada malam al-Isra’ (dan al-Mi‘raj), saya telah mendatangi satu kaum, perut-perut mereka adalah seumpama rumah-rumah, di dalamnya terdapat banyak ular yang dapat dilihat dari luar perut mereka.

Maka saya bersabda: Siapakah mereka itu, wahai Jibra’il?. Beliau menjawab: Mereka adalah para pemakan riba’.”

Imam Ahmad dan (Imam) Ibn Majah telah meriwayatkan hadits ini.

(20) [Rasulullah ﷺ Melaknat Orang Yang Terlibat dengan Riba']

عَنْ عَلِيٍّ ؓ : أَنَّهُ سَمِعَ :
((رَسُولَ اللَّهِ ﷺ لَعَنَ أَكِلَ الرَّبَا وَمُوكِلَهُ، وَكَاتِبَهُ، وَمَانِعَ الصَّدَقَةِ، وَكَانَ يَنْهَى عَنِ
النَّوْحِ))
رَوَاهُ النَّسَائِيُّ

Daripada Saidina 'Ali ؓ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya beliau telah mendengar:

“Rasulullah ﷺ telah melaknat pemakan riba', pemberi riba', penulis/ pencata riba', orang yang menahan (tidak membayar) zakat; dan Baginda juga melarang daripada amalan meratapi orang yang telah meninggal dunia.”

(Imam) al-Nasa'i telah meriwayatkan hadith ini.

Ulasan:

Al-Nawh atau *al-Niyahah* adalah amalan Jahiliyyah di mana peratap-peratap (*al-nā'ihah*) akan menangis sambil menjerit-jerit dan menyebut kebaikan si mati. Ia juga sering diiringi dengan perbuatan memukul dada atau badan atau mengoyakkan baju.

(21) [Hukum Mengambil Manfaat Daripada Peminjam/ Penghutang]

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :
((إِذَا أَقْرَضَ أَحَدُكُمْ قَرْضًا فَأَهْدَى لَهُ أَوْ حَمَلَهُ عَلَى الدَّائِبَةِ فَلَا يَرْكَبُهَا وَلَا يَقْبَلُهَا إِلَّا
أَنْ يَكُونَ جَرَى بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ قَبْلَ ذَلِكَ))
رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهٍ وَابْنُ أَبِي شَيْبَةَ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ

Daripada Anas (Ibn Malik) رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Apabila salah seorang daripada kamu memberi suatu pinjaman kepada seseorang, lalu dia (si peminjam) menghadiahkan sesuatu kepadanya atau membawanya ke atas tunggangannya, maka hendaklah dia tidak menunggangnya dan mengambilnya, melainkan jika ia adalah suatu yang telah biasa berlaku di antara mereka berdua sebelum itu.”

(Imam) Ibnu Majah dan (Imam) al-Bayhaqi telah meriwayatkan hadith ini di dalam Shu‘ab al-Iman.

وَرَوَى الْبُخَارِيُّ فِي التَّارِيخِ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ :
((إِذَا أَقْرَضَ الرَّجُلُ الرَّجُلَ فَلَا يَأْخُذُ هَدِيَّتَهُ))

Dan Imam al-Bukhari telah meriwayatkan di dalam kitabnya al-Tarikh al-Kabir, daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda:

“Apabila seseorang daripada kamu memberi pinjaman kepada seorang yang lain, maka hendaklah dia tidak mengambil hadiah daripadanya.”

(22) [Riba' adalah di antara Tujuh (7) Dosa Besar Yang Membawa Kemusnahan]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
((اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ))، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟، قَالَ: ((الشَّرْكُ بِاللَّهِ،
وَالسَّحَرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ،
وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ))
رَوَاهُ الشَّيْخَانِ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda:

“Jauhilah tujuh perkara yang memusnahkan (agama).

Mereka (para sahabat رضي الله عنهم) berkata: Wahai Rasulullah, apakah perkara-perkara tersebut?

Baginda bersabda: (i) Menyekutukan Allah/ Melakukan syirik terhadap Allah, (ii) Sihir, (iii) Membunuh nyawa yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan kebenaran (daripada Shariat), (iv) Memakan riba', (v) Memakan harta anak yatim, (vi) Berpaling (melarikan diri saf tentera) pada hari umat Islam bertemu dengan musuh mereka di medan perang, (vii) Membuat pertuduhan zina terhadap perempuan yang menjaga maruah, beriman, dan tidak berkeinginan kepada maksiat.”

al-Shaykhān (Imam al-Bukhari dan Imam Muslim), (Imam) Abu Dawud dan (Imam) al-Nasa'ī telah meriwayatkan hadith ini.

الْمُوبِقَاتُ: الْمُهْلِكَاتُ

Al-Mūbiqāt bermaksud perkara-perkara yang menghancurkan (agama).

(23) [Pemandangan Malam Isra' dan Mi'raj: Pemakan Riba' Di Dalam Sungai Darah Dan Dibaling Batu ke Mulutnya Apabila Dia Mahu Keluar Daripadanya]

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:
((رَأَيْتُ اللَّيْلَةَ رَجُلَيْنِ آتِيَانِي، فَأَخْرَجَانِي إِلَى أَرْضٍ مُقَدَّسَةٍ، فَانْطَلَقْنَا حَتَّى آتَيْنَا عَلَى
نَهْرٍ مِنْ دَمٍ فِيهِ رَجُلٌ قَائِمٌ، وَعَلَى وَسْطِ النَّهْرِ رَجُلٌ بَيْنَ يَدَيْهِ حِجَارَةٌ، فَأَقْبَلَ الرَّجُلُ
الَّذِي فِي النَّهْرِ، فَإِذَا أَرَادَ الرَّجُلُ أَنْ يَخْرُجَ، رَمَى الرَّجُلُ بِحَجَرٍ فِيهِ فَرَدَّهُ حَيْثُ
كَانَ، فَجَعَلَ كُلُّمَا جَاءَ لِيَخْرُجَ رَمَى فِيهِ بِحَجَرٍ، فَيَرْجِعُ كَمَا كَانَ، فَقُلْتُ: مَا هَذَا
الَّذِي رَأَيْتُهُ فِي النَّهْرِ؟، قَالَ: أَكَلُ الرَّبَا))
رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ هَكَذَا فِي الْبَيْعِ مُحْتَصِرًا وَرَوَاهُ فِي تَرْكِ الصَّلَاةِ مُطَوَّلًا

Daripada Samurah Ibn Jundub رضي الله عنه, beliau berkata: Nabi ﷺ bersabda:

“Pada malam tersebut (al-Isra' wa al-Mi'raj) saya telah melihat dua orang lelaki datang kepada saya dan kemudian mereka berdua membawa saya ke tanah yang suci (Bayt al-Maqdis). Lalu, kami semua bertolak sehinggalah kami mendatangi sebuah sungai daripada darah, dan di dalamnya ada seorang lelaki yang sedang berdiri. Dan di tengah-tengah sungai tersebut ada seorang lelaki yang terdapat batu di hadapannya. Lelaki yang berada di dalam sungai tersebut pun mara dan mahu keluar dari sungai tersebut, lalu lelaki yang lain melontarnya dengan batu ke mulutnya dan menyebabkan lelaki tersebut kembali ke tempatnya yang asal.

Dan setiap kali lelaki tersebut mara untuk keluar dari sungai tersebut, lelaki yang lain akan melontar ke mulutnya dengan batu, dan dia kembali ke tempatnya yang asal.

Maka saya bersabda: Siapakah si lelaki ini yang saya lihatnya berada di dalam sungai tu?. Beliau menjawab: Si pemakan riba’.”

(Imam) al-Bukhari telah meriwayatkan hadith ini secara ringkas di dalam Kitab al-Buyu’ (Kitab Jual-Beli) dan beliau meriwayatkannya di dalam (kitab) Tark al-Solah (Meninggalkan Solat) dengan panjang.

(24) [Pemakan dan Pemberi Riba’ Dilaknat oleh Rasulullah ﷺ]

عَنْ عَوْنِ بْنِ أَبِي جُحَيْفَةَ، عَنْ أَبِيهِ رضي الله عنه، قَالَ:
((لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْوَاشِمَةَ وَالْمُسْتَوْشِمَةَ، وَآكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ، وَنَهَى عَنْ ثَمَنِ
الْكَلْبِ، وَكَسْبِ الْبَغْيِ، وَلَعَنَ الْمُصَوِّرِينَ))
رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ

Daripada ‘Awn Ibn Abu Juhayfah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada bapanya (Abu Juhayfah رضي الله عنه), bahawa beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ melaknat pelukis tatu (di badan) dan pelanggannya, pemakan riba dan pemberi riba, dan Baginda melarang daripada harga (jual-beli) anjing, hasil usaha pelacuran, dan Baginda melaknat orang-orang yang mengukir (patung).”

(Imam) al-Bukhari dan (Imam) Abu Dawud telah meriwayatkan hadith ini.

(25) [Semua Pihak Yang Terlibat Dengan Riba adalah Dilaknat Melalui Lisan Rasulullah ﷺ]

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:
((أَكِلُ الرِّبَا وَمُوكِلُهُ، وَشَاهِدَاهُ، وَكَاتِبَاهُ إِذَا عَلِمُوا بِهِ، وَالْمُسْتَوْشِمَةُ، وَالْمُسْتَوْشِمَةُ
لِلْحُسْنِ، وَلَاوِي الصَّدَقَةِ، وَالْمُرْتَدُّ أَعْرَابِيًّا بَعْدَ الْهِجْرَةِ: مَلْعُونُونَ عَلَى لِسَانِ مُحَمَّدٍ
ﷺ))
رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَأَبُو يَعْلَى وَابْنُ خَزِيمَةَ وَابْنُ حِبَّانٍ فِي صَحِيحَيْهِمَا

Daripada (Abdullah) Ibn Mas'ud رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Pemakan riba, pemberinya, kedua-dua orang saksinya, kedua-dua pencatatnya, sekiranya mereka mengetahui tentangnya; dan pelukis tatu dan pelanggannya yang mahukan kecantikan; dan orang yang melewati bayaran zakat; dan seorang yang murtad dari kalangan orang Arab selepas Hijrah: kesemua mereka dilaknat di atas lisan (Nabi) Muhammad ﷺ (yang mulia).”

Imam Ahmad, (Imam) Abu Ya'la, (Imam) Ibn Khuzaymah di dalam “Sahih”nya dan (Imam) Ibn Hibban di dalam “Sahih”nya telah meriwayatkan hadith ini.

وَلَاوِيهَا: مُؤَخَّرُهَا

Dan makna “lāwī”nya adalah orang yang melewatkannya.

(26) [Pemakan Riba' Berhak Dihalang Dari Memasuki Syurga]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ :
((أَرْبَعٌ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُدْخِلَهُمُ الْجَنَّةَ وَلَا يُذِيقَهُمْ نَعِيمَهَا: مُدْمِنُ الْخَمْرِ،
وَأَكِلُ الرِّبَا، وَأَكِلُ مَالِ الْيَتِيمِ بَغَيْرِ حَقٍّ، وَالْعَاقُ لِوَالِدَيْهِ))
رَوَاهُ الْحَاكِمُ وَقَالَ: صَحِيحُ الْإِسْنَادِ

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

“Empat orang yang Allah berhak untuk tidak memasukkan mereka ke dalam syurga dan tidak memberi mereka merasai nikmatnya: (i) Penagih arak, (ii) Pemakan riba, (iii) Pemakan harta anak yatim tanpa hak, dan (iv) Penderhaka kepada dua orang tua.”

(Imam) al-Hakim telah meriwayatkan hadith ini dan beliau berkata: Sanadnya adalah sahih.

(27) [Riba dan Syirik Mempunyai Lebih Daripada Tujuh Puluh Lebih Pintu]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:
((الرِّبَا بَضْعٌ وَسَبْعُونَ بَابًا وَالشَّرْكُ مِثْلُ ذَلِكَ))

رَوَاهُ الْبَزَّازُ وَابْنُ مَاجَهٍ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ

Daripada Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

“Riba itu mempunyai tujuh puluh lebih⁵ buah pintu, dan begitu juga syirik, (ia mempunyai tujuh puluh lebih pintu).”

(Imam) al-Bazzar dan (Imam) Ibn Majah telah meriwayatkan hadith ini dengan sanada yang sahih.

الْبِضْعُ: مَا زَادَ عَلَى الْعَقْدِ

في المعجم الوسيط (ص 614 عقد): (و[العقد] من الأعداد العشرة والعشرون إلى التسعين).

Al-Bid' itu adalah apa yang lebih daripada satu 'aqd.

⁵ Al-Bid' itu adalah merujuk kepada bilangan di antara tiga (3) dan sembilan (9) dalam bilangan (مَا بَيْنَ الثَّلَاثِ وَالتَّسْعِ فِي الْعَدَدِ).

(28) [Satu Dirham Riba Adalah Lebih Berat Dari Tiga Puluh Enam (36) Penzinaan]

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:
((خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَذَكَرَ أَمْرَ الرَّبَا وَعَظَّمَ شَأْنَهُ، وَقَالَ: إِنَّ الدَّرْهَمَ يُصِيبُهُ
الرَّجُلُ مِنَ الرَّبَا أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ فِي الْخَطِيئَةِ مِنْ سِتٍّ وَثَلَاثِينَ زَنِيَةً يَزْنِيهَا الرَّجُلُ،
وَإِنَّ أَرْبَى الرَّبَا عَرَضُ الرَّجُلِ الْمُسْلِمِ))
رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ وَابْنُ أَبِي الدُّنْيَا فِي كِتَابِ دَمِّ الْغِيْبَةِ

Daripada Anas Ibn Malik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ pernah berkhotbah kepada kami di mana Baginda menyebut tentang riba dan menggambarkan sebagai perkara yang besar/ serius, dan Baginda bersabda:

“Sesungguhnya satu dirham daripada riba’ yang dihasilkan/diperolehi oleh seorang lelaki adalah lebih besar dosanya di sisi Allah berbanding dengan tiga puluh enam (36) penzinaan yang dilakukan oleh lelaki tersebut. Dan sesungguhnya riba yang paling besar adalah maruah seorang lelaki Muslim.”

(Imam) al-Bayhaqi dan (Imam) Ibn Abi al-Dunya di dalam kitab “*Dhamm al-Ghibah*” (Celaan Terhadap Mengumpat) telah meriwayatkan hadith ini.

Ulasan:

1. Satu dirham adalah merujuk kepada 1 keping duit perak yang dikeluarkan oleh kerajaan Sassanid Parsi pada zaman Rasulullah ﷺ yang digunakan oleh kaum Quraysh sebagai mata wang utama mereka. Ia mempunyai berat sebanyak 2.975 gram sekeping.

2. Harga semasa 1 dirham dalam RM adalah RM6.99

Harga semasa 1 Dirham:	Harga Perak Tulin 1 gram * 2.975 =
	RM2.35 * 2.975 = RM6.99

3. Faedah Tambahan: Pengiraan Nisab dan Kadar Zakat Dinar dan Dirham

Nisab Dinar = 20 Dinar	Nisab Zakat Dirham = 200 Dirham
1 Dinar = 4.25 gram emas 22k	1 Dirham = 2.975 gram perak 24k
Kadar Zakat: 2.5% = 0.25 Dinar	Kadar Zakat = 2.5% = 5 Dirham
Harga semas 1 gram emas 22k = RM182	Harga semasa 1 gram perak tulin 24k= RM2.35
Kadar Nisab Dinar dalam RM = $4.25 \times 20 \times \text{RM182}_{1\text{gram/emas22k}} =$ 85 gram x RM182 = <u>RM15,470</u>	Kadar Nisab Perak dalam RM = $2.975 \times 200 \times \text{RM2.35}_{1\text{gram/peraktulin24k}} =$ 595 x RM2.35 = <u>RM1,398.25</u>
Kadar zakat Dinar dalam RM: 2.5% x RM15,470 = <u>RM386.75</u>	Kadar zakat Driham dalam RM: 2.5% x RM1,398.25 = <u>RM34.96</u>

Pada zaman Rasulullah ﷺ, nilai 20 Dinar adalah bersamaan 200 Dirham kerana 1 Dinar bersamaan 10 Dirham. Namun begitu, nilai emas dan perak di dalam RM pada hari ini sangat jauh berbeza. Manakah satu yang paling layak menjadi kadar nisab zakat? Mazhab Shafie menetapkan bahawa Nisab Dinar adalah asas nisab zakat jika nilai nisab emas dan perak berbeza.

(29) [Riba' itu Mempunyai Tujuh Puluh Dua (72) Pintu]

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((الرَّبَا اثْنَانِ وَسَبْعُونَ بَابًا، أَدْنَاهَا مِثْلُ إِيْتَانِ الرَّجُلِ أُمُّهُ، وَأَزْبَى الرَّبَا اسْتِطَالَةُ
الرَّجُلِ فِي عَرَضِ صَاحِبِهِ))
رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ مِنْ رِوَايَةِ عُمَرَ بْنِ رَاشِدٍ وَقَدْ وَثَّقَ

Daripada al-Bara' Ibn 'Azib رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Riba itu mempunyai tujuh puluh dua (72) pintu. Pintunya yang paling rendah adalah seperti seorang lelaki yang mendatangi (menyetubuhi) ibunya sendiri, dan riba yang paling tinggi adalah seorang lelaki yang memanjangkan lidahnya (dengan umpatan/ fitnah/ penghinaan) ke atas maruah saudaranya.”

(Imam) al-Tabarani telah meriwayatkan hadith ini di dalam al-Mu'jam al-Aswat, daripada riwayat 'Umar Ibn Rashid, dan beliau telah dihukumkan thiqah.⁶

Ulasan:

Hadith ini mempunyai shawahid dari al-Hakim dengan sanad yang sahih.

⁶ Walaupun beliau banyak dikritik sebagai perawi yang da'if, namun Imam al-Tirmidhi dan Imam Ibn Majah meriwayatkan hadith beliau.

(30) [Riba' itu Mempunyai Tujuh Puluh (70) Dosa/ Kesalahan]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((الرِّبَا سَبْعُونَ حُوبًا أَيْسَرُهَا أَنْ يَنْكِحَ الرَّجُلُ أُمَّهُ))
رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهٍ وَالتَّبَهَقِيُّ، كِلَاهُمَا عَنْ أَبِي مَعْشَرٍ، وَقَدْ وَثَّقَ.

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Riba itu mempunyai tujuh puluh (70) dosa/ kesalahan. (Riba) yang paling ringan adalah seorang lelaki yang bernikah/ menyetubuhi ibunya sendiri.”

(Imam) Ibnu Majah dan (Imam) al-Bayhaqi telah meriwayatkan hadith ini, dan kedua-duanya daripada Abu Ma'shar, dan dia juga telah dihukum thiqah (oleh sebahagian ulama' hadith).

وَالْحُوبُ: الْإِثْمُ

Dan makna bagi *al-Hub* adalah dosa.

(31) [Zina dan Riba Yang Berleluasi Menjadi Sebab Bagi Azab Allah]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ:
((نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُشْتَرَى الثَّمَرَةُ حَتَّى تُطْعِمَ ، وَقَالَ :
إِذَا ظَهَرَ الزَّنا وَالرِّبَا فِي قَرْيَةٍ ، فَقَدْ أَحَلُّوا بِأَنْفُسِهِمْ عَذَابَ اللَّهِ))
رَوَاهُ الْحَاكِمُ وَقَالَ : صَحِيحُ الْإِسْنَادِ

Daripada Abdullah Ibn ‘Abbas (رضي الله عنهما), beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ melarang buah-buahan dijual sehinggalah ia boleh dimakan.

Dan Baginda bersabda: Apabila zahirnya (berleluasa) zina dan riba di dalam sebuah kampung, maka sesungguhnya mereka (penduduk kampung tersebut) telah menghalalkan azab Allah untuk menimpa mereka.”

(Imam) al-Hakim telah meriwayatkan hadith ini dan beliau berkata: Sanadnya sahih.

(32) [Zina dan Riba Yang Zahir Menjadi Sebab Bagi Azab Allah]

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:
((مَا ظَهَرَ فِي قَوْمٍ الزَّنا وَالرِّبَا، إِلَّا أَحَلُّوا بِأَنْفُسِهِمْ عِقَابَ اللَّهِ))
رَوَاهُ أَبُو يَعْلَى بِإِسْنَادٍ جَيِّدٍ

Daripada (‘Abdullah) Ibn Mas‘ud رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda:

“Tidak zahir (berleluasa) zina dan riba di dalam satu kaum melainkan mereka (kaum tersebut) telah menghalalkan azab Allah untuk menimpa mereka.”

(Imam) Abu Ya‘la telah meriwayatkan hadith ini dengan sanad yang baik.

(33) [Riba’ Menjadi Sebab Bagi Azab Kemarau]

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رضي الله عنه، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:
((مَا مِنْ قَوْمٍ يَظْهَرُ فِيهِمُ الرِّبَا، إِلَّا أَخَذُوا بِالسَّيِّئَةِ، وَمَا مِنْ قَوْمٍ يَظْهَرُ فِيهِمُ الرِّشَاءُ،
إِلَّا أَخَذُوا بِالرُّعْبِ))

Daripada ‘Amr Ibn al-‘As رضي الله عنه, beliau berkata: Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidak ada satu kaum pun yang telah zahir pada mereka amalan riba, melainkan mereka akan ditimpa kemarau;

dan tidak ada satu kaum pun yang telah zahir pada mereka amalan rasuah, melainkan mereka akan ditimpa ketakutan.”

(Imam) Ahmad telah meriwayatkan hadith ini.

السَّيِّئَةُ : الْعَامُ الْمُقْحَطُ

Al-Sanah adalah tahun kemarau/ kering kontang.

(34) [Riba', Zina dan Arak Akan Berleluasa Sebelum Kedatangan Hari Kiamat]

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ:
((بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ يَظْهَرُ الرِّبَا وَالزَّنا وَالْخَمْرُ))
رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ وَرَوَاتُهُ رُؤَاةُ الصَّحِيحِ

Daripada Abdullah Ibn Mas'ud رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda:

“Sebelum dekatnya kedatangan Hari Kiamat: riba', zina dan arak akan zahir berleluasa.”

(Imam) al-Tabarani telah meriwayatkan hadith ini dan para perawinya adalah para perawi yang sahih.

Ulasan:

Riba yang berleluasa	Kerosakan sistem ekonomi dan kewangan.
Zina yang berleluasa	Kerosakan maruah, keturunan dan masyarakat.
Arak yang berleluasa	Kerosakan sosial dan maksiat yang bermaharajalela.

(35) [Riba' adalah Salah Satu Dari Dua Dosa Besar Yang Sukar Diampunkan]

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((إِيَّاكَ (وَالذُّنُوبَ الَّتِي لَا تُغْفَرُ: الْعُلُولُ، فَمَنْ غَلَّ شَيْئًا أَتَى بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَآكَلَ
الرِّبَا فَمَنْ أَكَلَ الرِّبَا بُعِثَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُجْنُونًا يَتَخَبَّطُ، ثُمَّ قَرَأَ: ((الَّذِينَ يَأْكُلُونَ

الرَّبَوُ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَخْبِطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ((

رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ

Daripada ‘Awf Ibn Malik رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Berhati-hatilah kamu daripada dosa-dosa yang sukar untuk diampunkan:

(i) *al-Ghulul* (Mengambil harta rampasan perang sebelum dibahagikan): Barangsiapa yang mengambil sesuatu daripada harta rampasan perang (*ghanimah*), maka dia akan datang pada Hari Kiamat dengan apa yang dia telah khianati; dan

(ii) Pemakan riba: Barangsiapa yang memakan riba, dia akan dibangkitkan pada Hari Kiamat sebagai seorang gila yang berjalan terhuyung-hayang. Kemudian Baginda membaca (ayat al-Quran berikut):

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَخْبِطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu.”

[al-Baqarah:275]

(Imam) al-Tabarani telah meriwayatkan hadith ini.

الْغُلُولُ: الْأَخْذُ مِنَ الْغَنِيمَةِ قَبْلَ قِسْمَتِهَا

Al-Ghulul bermaksud mengambil harta ghanimah (rampasan perang) sebelum pengagihannya (kepada mereka yang layak menerimanya).

(36) [Pemakan Riba Akan Dibangkitkan Sebagai Orang Gila]

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ
((يَأْتِي أَكِلُ الرَّبَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُخْبِلًا يُجْرُ شِقَّةَهُ، ثُمَّ قَرَأَ: لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ))

Daripada Anas Ibn Malik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Pemakan riba’ akan datang pada Hari Kiamat dalam keadaan gila sambil menarik separuh dirinya. Kemudian beliau membaca (ayat al-Qur’an berikut):

لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ

“Mereka (orang-orang yang memakan riba’) itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu.” [al-Baqarah:275].

وَالْمُخْبِلُ: الْمَجْنُونُ

Dan “al-mukhbil” itu adalah seorang yang gila.

(37) [Ancaman Api Neraka Bagi Para Peniaga Wang Yang Melakukan Urusniaga Riba’]

عَنْ الْقَاسِمِ بْنِ عَبْدِ الْوَاحِدِ الْوَرَّاقِ:
قَالَ رَأَيْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَبِي أَوْفَى رضي الله عنه فِي السُّوقِ فِي الصَّيَارِفَةِ، فَقَالَ: يَا مَعْشَرَ
الصَّيَارِفَةِ، أَبَشِّرُوا. قَالُوا: بَشِّرْكَ اللَّهُ بِالْجَنَّةِ، بِمِ تَبَشِّرُنَا يَا أَبَا مُحَمَّدٍ. قَالَ: قَالَ رَسُولُ
اللَّهِ ﷺ، أَبَشِّرُوا بِالنَّارِ.
رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ بِإِسْنَادٍ لَا بَأْسَ بِهِ

Daripada al-Qasim Ibn ‘Abd al-Wahid al-Warraq, beliau berkata:

Saya telah melihat Abdullah Ibn Abu Awfa رضي الله عنه di pasar di tempat pertukaran duit, dan beliau berkata: “Wahai seluruh *ṣayārifah* (para peniaga duit/ mata wang)! Terimalah berita gembira!

Mereka berkata: Semoga Allah memberi kamu berita gembira dengan syurga! Apakah berita gembira yang engkau mahu beritahu kepada kami, wahai Abu Muhammad?.

Beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Terimalah berita gembira dengan api neraka (jika kamu melakukan perkara yang haram di dalam jual-beli).

(Imam) al-Tabarani telah meriwayatkan hadith ini dengan sanad yang “ لا

بأس به” (boleh diterima).

(38) [Riba' adalah Salah Satu Sebab Berlakunya Azab Allah



عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، قَالَ:
((وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَيَبَيِّنَنَّ أَنْاسٌ مِنْ أُمَّتِي عَلَى أَشْرٍ وَبَطَرٍ وَلَعِبٍ وَلَهْوٍ،
فَيُضْبِحُونَ قِرْدَةً وَخَنَازِيرَ، بِاسْتِحْلَالِهِمُ الْمَحَارِمَ، وَاتِّخَاذِهِمُ الْقَيْنَاتِ، وَشُرْبِهِمُ
الْخَمْرِ، وَأَكْلِهِمُ الرِّبَا، وَلُبْسِهِمُ الْحَرِيرِ))
رَوَاهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْإِمَامِ أَحْمَدَ فِي زَوَائِدِهِ

Daripada 'Ubadah Ibn al-Samit رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Rasulullah ﷺ bahawa Baginda bersabda:

“Demi (Allah) yang nyawaku di dalam kekuasaanNya, pasti akan ada beberapa manusia dari kalangan umatku yang bermalam dengan kesombongan, bermewah-mewahan, bermain-main serta melakukan perkara-perkara sia-sia.

Kemudian, mereka memasuki waktu pagi dengan berubah menjadi monyet dan babi kerana mereka menghalalkan perkara-perkara yang haram, dan mereka mengambil penyanyi-penyanyi wanita, dan mereka meminum arak, dan mereka memakan riba, dan mereka memakai sutera.”

(Imam) Abdullah Ibn al-Imam Ahmad telah meriwayatkan hadith ini di dalam *Zawa'idnya*.

(39) [Riba' adalah Salah Satu Sebab Berlakunya Azab Allah



عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
(يَبِيتُ قَوْمٌ مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى طَعْمٍ وَشُرْبٍ وَلَهْوٍ وَلَعِبٍ، فَيُصْبِحُوا وَقَدْ مُسِخُوا
قِرْدَةً وَخَنَازِيرَ، وَلَيُصِيبَنَّهُمْ خُسْفٌ وَقَذْفٌ حَتَّى يُصْبِحَ النَّاسُ، فَيَقُولُونَ: خُسِفَ
الْلَّيْلَةُ بِبَنِي فُلَانٍ، وَخُسِفَ اللَّيْلَةُ بِدَارِ فُلَانٍ، وَلَتُرْسَلَنَّ عَلَيْهِمْ حِجَارَةٌ مِنَ السَّمَاءِ
كَمَا أُرْسِلَتْ عَلَى قَوْمِ لُوطٍ عَلَى قَبَائِلَ فِيهَا وَعَلَى دُورٍ، وَلَتُرْسَلَنَّ عَلَيْهِمُ الرِّيحُ الْعَقِيمُ
الَّتِي أَهْلَكَتْ عَادًا عَلَى قَبَائِلَ فِيهَا وَعَلَى دُورٍ، بِشُرْبِهِمُ الْخَمْرَ، وَلُبْسِهِمُ الْحَرِيرَ،
وَاتِّخَاذِهِمُ الْقَيْنَاتِ، وَأَكْلِهِمُ الرِّبَا، وَقَطِيعَةِ الرَّحِمِ)) وَخَصْلَةً نَسِيَهَا جَعْفَرٌ، أَحَدُ
رَوَاتِهِ.

رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ مُخْتَصَرًا وَالْبَيْهَقِيُّ وَاللَّفْظُ لَهُ

Daripada Abu Umamah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ,
bahawa Baginda bersabda:

“Akan ada satu kaum daripada umat ini yang tidur dalam keadaan mereka melampau dengan makanan, minuman, perkara sia-sia dan permainan, maka apabila mereka memasuki waktu pagi, mereka telah diubah menjadi kera dan babi. Dan pasti mereka ada ditimpa dengan penenggelaman bumi dan lontaran dari langit sehingga apabila orang ramai bangun di waktu pagi, mereka akan berkata: Pada malam tadi, telah berlaku penenggelaman bumi di keluarga fulan, dan telah berlaku penenggelaman bumi di rumah fulan.

Dan pasti akan dilontarkan ke atas mereka batu-batu dari langit sepertimana dilontarkan ke atas kaum Lut, ke atas qabilah-qabilah

mereka dan rumah-rumah mereka; dan pasti akan dihantarkan kepada mereka angin yang mandul (tidak ada kebaikan) yang memusnahkan kaum ‘Ad, qabilah-qabilah mereka dan rumah-rumah mereka – dengan sebab mereka meminum arak, memakai sutera, menggunakan penyanyi-penyanyi wanita, memakan riba’, memutuskan silaturrahim, [dan satu perkara lagi yang telah dilupai oleh Ja‘far, salah seorang perawi hadith ini].”

Imam Ahmad telah meriwayatkannya secara ringkas dan (Imam) al-Bayhaqi telah meriwayatkannya dan lafaz hadith ini adalah berdasarkan riwayatnya.

الْقَيْنَاتُ : الْمَغْنِيَّاتُ، جَمْعُ قَيْنَةٍ

Al-Qaynat adalah penyanyi-penyanyi wanita, kata jamak bagi *qaynah*.

(40) [Kemuliaan Seseorang Yang Bersih Hasil Usahanya Dari Riba]

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((ثَلَاثَةٌ هُمْ حُدَّاهُ اللَّهُ ﷻ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: رَجُلٌ لَمْ يَمْشِ بَيْنَ اثْنَيْنِ بِمِرَاءٍ (قَطُّ)،
وَرَجُلٌ لَمْ يُحَدِّثْ نَفْسَهُ بِزَنَى (قَطُّ)، وَرَجُلٌ لَمْ يَخْلُطْ كَسْبَهُ بِرِبَا (قَطُّ)))
رَوَاهُ أَبُو نَعِيمٍ فِي الْحِلْيَةِ

Daripada Anas (Ibn Malik) رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tiga golongan manusia yang akan berkata-kata dengan Allah ﷻ pada Hari Kiamat nanti (kerana keistimewaan dan ketinggian darjat mereka):

- (i) Seseorang yang tidak pernah berdebat/ bertelingkah dengan orang lain, dan
- (ii) seseorang yang tidak pernah berniat untuk melakukan zina, dan
- (iii) seseorang yang tidak pernah mencampurkan hasil usahanya dengan (pendapatan) riba’.”

(Imam) Abu Nu‘aym telah meriwayatkan hadith ini di dalam *al-Hilyah* (*Hilyat al-Awliya’*).

المِرَاءُ: الْجِدَالُ وَالْمُخَاصَمَةُ

Al-Mira’ adalah perdebatan dan pertelingkahan.

Penutup (*Khātimah*)

(خَاتِمَةٌ)

[Nukilan dari Imam Malik – Tiga Jenis Pinjaman]

Imam Malik telah meriwayatkan di dalam al-Muwatta': Beliau berkata: Telah sampai kepada saya bahawa sesungguhnya ada seorang lelaki yang telah datang kepada Ibnu 'Umar رضي الله عنه dan berkata: "Sesungguhnya saya telah memberi satu pinjaman dan saya telah mensyaratkan ke atas si peminjam agar membayar lebih daripada apa yang saya pinjamkan kepadanya." Maka Abdullah Ibn 'Umar رضي الله عنه berkata: Maka itu adalah ain riba'.

Dia berkata: Maka dengan bagaimanakah engkau memerintahkan daku untuk melakukannya, wahai Abu Abd al-Rahman.

Abdullah Ibn 'Umar رضي الله عنه pun berkata: "Pinjaman itu ada tiga bentuk. (i) Pinjaman yang engkau berikannya untuk mencari keredaan Allah, dan (ii) pinjaman yang engkau berikan untuk merelakan sahabatmu, dan (iii) pinjaman yang engkau berikan untuk mengambil harta kotor dengan harta yang baik, maka itu adalah riba."

Lelaki itu berkata: "Maka dengan bagaimanakah engkau perintahkan daku untuk melakukannya?"

Kata Abdullah Ibn 'Umar رضي الله عنه: "Aku berpendapat engkau patut mengoyak kertas perjanjian riba' tersebut. Sekiranya dia memberikanmu sepertimana jumlah yang telah engkau beri pinjam kepadanya, maka engkau terimalah. Dan sekiranya dia memberikanmu kurang daripada jumlah yang telah engkau beri pinjam kepadanya, maka ambillah ia dan

engkau akan diberi ganjaran (oleh Allah ﷻ). Dan sekiranya dia memberikanmu lebih daripada jumlah yang telah engkau beri pinjam kepadanya dengan kerelaan hatinya, maka itu adalah satu kesyukuran (tanda terima kasih) daripadanya kepadamu, dan bagimu pahala selama mana engkau menunggu dia membayar hutangmu.”

Dan saya telah menghurai perkara ini dengan lebih panjang di dalam kitab saya “Dalil al-Tujjar ila Akhlaq al-Akhyar” berkenaan kejian terhadap riba lebih daripada apa yang ada di sini.

[Nukilan dari Imam Ibn Hajar al-Haytami – Dosa Riba adalah Dosa Besar & Isu Helah Berkaitan Riba di kalangan Fuqaha’]

Saya juga telah membuat nukilan daripada kitab “al-Zawajir” oleh al-Imam Ibn Hajar (al-Haytami) dengan jumlah yang banyak dan mencukupi. Dan di antaranya ialah kata-kata beliau setelah beliau meriwayatkan hadith-hadith yang begitu banyak berkenaan pengharaman riba’ ini:

“Dan dapat difahami daripada hadith-hadith terdahulu bahawa sesungguhnya pemakan riba’, pembayarinya, pencatatnya, saksinya, orang yang membuat urusannya, dan orang yang membantunya - kesemua mereka adalah orang-orang fasiq, dan setiap perkara yang ada padanya urusan riba’ adalah dosa besar. Sebahagian para imam kita telah menyatakannya dengan jelas berkenaan sebahagian perkara ini dan ia adalah sesuatu yang jelas lagi terang. Maka oleh sebab itulah, saya mengira kesemuanya adalah daripada dosa besar.

Kemudian beliau berkata:

(تَنْبِيْهٌ)

“Perbuatan helah berkaitan riba dan selainnya: Dua orang imam (daripada empat mazhab fiqh utama) iaitu Imam Malik dan Imam Ahmad menyatakan bahawa ia adalah haram.

Dan analogi terhadap dalilnya berdasarkan apa yang telah disebutkan menunjukkan bahawa mengambil riba secara helah adalah merupakan satu dosa besar di sisi mereka yang mengatakan haram melakukan helah berkaitannyanya, walaupun berlaku perbezaan pandangan berkenaan keharusannya.

Dan (Imam) al-Shafi’i dan (Imam) Abu Hanifah – *semoga Allah meredai mereka berdua* – berpandangan bahawa helah berkaitan riba’ dan selainnya adalah harus.

Para ulama’ kita berhujah tentang keharusannya berdasarkan riwayat sahih berkenaan amil Khaybar yang datang kepada Nabi ﷺ dengan kurma jenis baik yang banyak. Maka Baginda bertanya: Adakah semua tamar Khaybar seperti ini?. Maka dia menjawab: Tidak, kami menjual tamar yang kurang elok ini sebanyak dua gantang dengan satu gantang kurma yang baik. Maka Rasulullah ﷺ pun melarangnya daripada amalan tersebut dan Baginda mengajarkannya bahawa ia adalah riba’, dan kemudian Baginda mengajarkannya bagaimana untuk mencari jalan keluar (helah)⁷ daripada urusan tersebut iaitu dengan menjual tamar yang buruk itu dengan beberapa dirham dan membeli tamar yang baik dengan dirham tersebut.

⁷ Ini adalah kerana di dalam hadith tersebut, Rasulullah ﷺ tidak menyatakan tamar-tamar yang kurang elok tersebut mesti dijual kepada pihak ketiga, maka pemilik tamar yang elok tersebut boleh menjadi pembeli bagi tamar-tamar yang kurang elok tersebut. Maka, zahir hadith menunjukkan bahawa jual beli tersebut boleh berlaku di antara dua pihak sahaja.

Dan ini adalah satu bentuk helah yang menjadi pertikaian di kalangan para ulama' berkenaannya.

Ini adalah kerana sesiapa yang mempunyai dua gantang tamar yang kurang elok dan dia ingin menukarkannya dengan satu gantang tamar yang baik, maka dia tidak boleh berbuat demikian tanpa ada akad lain yang menjadi medium pertengahan, kerana ia adalah riba' secara ijma'.

Dan sekiranya dia menjual dua gantang tamar yang kurang elok tersebut dengan satu dirham, dan kemudian dia membeli tamar yang elok tersebut dengan satu dirham yang menjadi hutang ke atas penjual baginya, maka dia dapat keluar daripada rupa (*surah*) riba' sekiranya akad tersebut tidak berlaku melainkan ke atas barang makanan dan wang tunai, dan bukannya di antara dua barang makanan. Rupa (*surah*) riba' telah hilang dalam urusan ini. Maka apakah wajah/aspek bagi pengharaman akad tersebut?

Maka dapat diketahui daripada apa yang telah diterangkan bahawa helah yang telah diajarkan oleh Rasulullah ﷺ kepada 'amil Khaybar adalah merupakan satu nas tentang keharusan helah secara mutlak pada riba' dan selainnya, kerana tidak ada pihak yang menyatakan adanya perbezaan.

Dan apa yang telah dijadikan dalil oleh mereka (yang mengharamkan helah dalam riba) daripada kisah Yahudi yang telah disebut sebelum ini, maka ia adalah berdasarkan kaedah: "Shariah Umat Terdahulu Sebelum Kita Juga Adalah Merupakan Shariat Bagi Kita", sedangkan pandangan yang lebih sahih di dalam Usul al-Fiqh adalah sebaliknya. Dan jika ianya terpakai juga, maka subjeknya adalah pada perkara-perkara yang tidak ada dalil dalam Shariat kita yang bertentangan dengannya. Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui bahawa sesungguhnya telah datang nas di dalam Shariat kita yang bertentangan dengannya.

[Selesai nukilan dari Imam Ibnu Hajar al-Haytami]



[Nukilan dari Imam ‘Abd al-Wahhab al-Sha‘rani – Larangan Melakukan Helah Tanpa Darurat dan Masalah Yang Lebih Besar]

Dan Sayyidi ‘Abd al-Wahhab al-Sha‘rani telah menyebut di dalam “al-‘Uhud al-Kubra”:

Perjanjian umum kita dengan Rasulullah ﷺ telah mewajibkan bahawa kita tidak akan makan harta daripada seseorang yang bermuamalat dengan orang ramai melalui urusan niaga riba’ dan helah berkenaannya melainkan kerana darurat yang diperakui Shariat seperti keadaan apabila kita tidak mempunyai sesuatu apa pun untuk kita menampung kebuluran kita atau pun sekiranya perkara tersebut mempunyai masalah agama yang jauh lebih besar berbanding meninggalkannya.

Dan ini adalah satu perjanjian yang telah dikhianati oleh ramai orang sehinggakan tidak ada seorang pun ahli perniagaan atau pekerja yang terselamat daripadanya. Dan mereka juga melakukan helah berkenaan riba serta menulis perjanjian mereka itu di mahkamah-mahkamah para hakim, serta mereka mula mengiktiraf bagi diri mereka (hak tersebut) dan mereka mula mendakwa pihak lain dengan sesuatu yang bukan merupakan hak mereka. Kemudian, seorang yang mengamalkan riba mula membuat tuntutan ke atas pengamal riba’ yang lain, sekiranya dia tidak diberikan dengan apa yang telah dipersetujui, pihak yang lain akan memperakui denda/caj tambahan ke atas dirinya dan mereka mencatat perakuan tambahan tersebut.


Dan mereka berterusan dalam keadaan sedemikian sehingga seratus (100) dinar menjadi lebih daripada seribu (1000) dinar. Kemudian, Allah ﷻ menghapuskan harta mereka semua.

Dan Allah lebih mengetahui.

Kaedah Bertaubat Daripada Dosa Riba'

4.1 Pertama: Taubat

Seseorang yang telah menerima atau mengambil harta riba' perlulah terlebih dahulu bertaubat di atas perbuatannya itu. Terdapat empat rukun bagi taubat terhadap dosa yang melibatkan hak orang lain seperti riba', iaitu:



4.2 Kedua: Mengenal Pasti atau Penilaian

Pihak pemegang harta riba' perlulah terlebih dahulu memastikan nilai harta riba' yang telah diterima dan masuk ke dalam harta miliknya. Jumlah yang sama mengikut nilai muka mestilah dikembalikan kepada pemiliknya yang sebenar. Sekiranya pihak pemegang harta riba' kurang pasti dengan nilai atau jumlah harta riba' yang telah bercampur dengan hartanya, maka dia wajib berijtihad untuk mengetahui nilai atau jumlah yang sebenar (dengan berdasarkan keyakinan atau kebarangkalian yang besar (*ghalabat al-zann*)). Dalam penentuan nilai atau jumlah harta riba',

pendekatan *al-ihthyat* (berhati-hati) perlulah diambil oleh pihak pemegangnya. Ini adalah kerana hukum asal mengambil harta orang adalah haram berdasarkan kaedah:

الْأَصْلُ تَحْرِيمُ أَمْوَالِ الْغَيْرِ

“Hukum asal bagi harta orang lain (bagi seseorang) itu adalah haram”

4.3 Ketiga: Memulangkan Harta Tersebut kepada Pemilik Asal

Setelah harta tersebut diketahui nilai dan jumlahnya secara pasti atau ijtihad, pihak pemegang harta riba’ tersebut mestilah memulangkan harta riba’ tersebut kepada tuannya yang asal atau warisnya (sekiranya pemilik asalnya telah wafat). Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah ﷻ (al-Baqarah: 279):

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

“Maka jika kamu tidak melakukan (perintah tinggalkan riba’ itu) maka ketahuilah Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”

Sekiranya pihak pemegang tidak mengetahui kedudukan pemilik asalnya atau warisnya, maka para ulama’ berbeza pendapat mengenai kedudukan harta tersebut. Isu yang timbul pada hari ini ialah, pihak pemilik asal harta tersebut mungkin adalah sebuah institusi yang mengamalkan urusan riba’. Sekiranya harta tersebut dipulangkan kepada institusi berkenaan, harta itu akan digunakan sekali lagi atau berulang kali dalam

urusniaga riba' dan perbuatan tersebut seolah-olah membantu seseorang di atas kezaliman atau kemaksiatan yang dilakukannya. Oleh kerana itu, Sheikh Khalid al-Mahna berpendapat bahawa pemegang harta riba' tidak perlu memulangkan harta tersebut kepada institusi seperti bank konvensional kerana bank itu mengamalkan riba' secara terang-terangan dan menggunakan duit yang ada padanya untuk menambah urusan kewangan yang berasaskan riba'. Beliau mengeluarkan kenyataan di atas berdasarkan kesimpulan beliau daripada satu kenyataan oleh Imam Nawawi (w676H) di dalam kitab al-Majmu' berkenaan dengan hukum menyerahkan harta kepada pemerintah yang zalim dan tidak menyerahkan harta tersebut kepada pemilik asalnya:

“Aku berpendapat: Pendapat yang terpilih dalam masalah ini ialah sekiranya (pemegang harta tersebut) mengetahui atau merasakan kebarangkalian yang besar (*ghalabah al-zann*) bahawa sultan/pemerintah tersebut akan membelanjakan harta tersebut di jalan yang batil (salah), maka wajiblah dia membelanjakan harta tersebut pada perkara-perkara yang mempunyai kemaslahatan bagi umat Islam seperti dan lain-lain...”

4.4 Keempat: Pihak Yang Bertanggungjawab dalam Menguruskan dan Melupuskan Harta Haram

Pihak pemegang yang tidak menemui pemilik asal atau warisnya bagi memulangkan harta riba' tersebut atau pemilik asalnya adalah sebuah institusi yang tidak menjalankan urusanniaga berpandukan prinsip Shariah, maka dia perlu menyerahkan harta tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab.

Imam Nawawi dan Imam Ghazali serta Imam Ibnu Muflih berpendapat bahawa sultan/ pemerintah adalah pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta-harta haram yang tidak diketahui pemiliknya kerana

beliau lebih mengetahui masalah umat Islam dengan syarat sultan/pemerintah tersebut mestilah seorang yang adil. Namun begitu Imam Ahmad berpendapat bahawa pihak pemegang adalah pihak yang bertanggungjawab menyalurkan harta tersebut ke tempat yang betul.

Penulis berpendapat bahawa pandangan ulama' mazhab Shafi'e adalah lebih sesuai bagi konsep pengurusan yang lebih teratur dan bagi mempunyai objektif yang lebih jelas. Apatah lagi sekiranya jumlah duit riba' itu sangat besar, pihak pemerintah boleh menubuhkan sebuah jawatankuasa atau institusi yang bertanggungjawab memastikan pengurusan harta tersebut adalah berpandukan prinsip Shari'ah.

4.5 Kelima: Tindakan Yang Perlu Diambil oleh Pihak Bertanggungjawab

Majoriti ulama' berpendapat bahawa harta riba' yang tidak diketahui pemilik asal dan warisnya perlulah diinfaqkan ke tempat-tempat atau saluran-saluaran yang diiktiraf oleh Shariat. Namun begitu, para ulama' berbeza pendapat dengan empat pandangan mengenai tempat-tempat yang diiktiraf oleh Shariat bagi tujuan tersebut:

1. Pendapat majoriti ulama' mazhab yang empat iaitu Hanafiyyah, Malikiyyah, Shafi'iyyah dan Hanabilah: Harta tersebut diinfaqkan sepertimana sedekah atau tabarru' umum. Ini memberi keluasan dan fleksibiliti kepada pihak pengurusan harta riba' untuk membelanjakan harta tersebut. Para ulama' menetapkan bahawa "Setiap harta yang tidak diketahui pemiliknya yang tertentu, maka dibelanjakan pada jalan sedekah". Ini termasuk sedekah kepada fakir miskin, membina bangunan seperti masjid, dan lain-lain.

2. Pendapat Lembaga Penasihat Shari'ah, Kuwait Finance House: Harta tersebut boleh diinfaqkan seperti tabarru' yang umum (seperti pendapat yang pertama), namun begitu ia tidak boleh digunakan untuk membina masjid atau mencetak al-Qur'an.
3. Sebahagian ulama': Diinfaqkan untuk masalah yang memberi manfaat kepada umat Islam secara umum dan tidak kepada individu-individu tertentu seperti membina jambatan, benteng dan memperbaiki jalan.
4. Sebahagian ulama': Diinfaqkan bagi tujuan jihad (memperkuhkan pertahanan dan persenjataan) umat Islam kerana jihad adalah salah satu sebab penghapus dosa.

Pada pandangan penulis, pendapat majoriti ulama' merupakan pendapat yang terbaik dari sudut kekuatan dalil serta kemantapan pengurusan. Pendapat majoriti ulama' ini memberikan pihak bertanggungjawab membelanjakan harta tersebut dengan lebih fleksibel berdasarkan kepada masalah umat Islam. Namun begitu, secara ringkasnya masalah umum lebih diutamakan daripada masalah khusus, masalah yang pasti adalah lebih utama daripada masalah yang tidak pasti, masalah yang kekal adalah lebih utama daripada masalah yang tidak kekal. Begitu juga, keperluan asas (daruriyyat) lebih utama daripada keperluan biasa (hajiyyat) dan keperluan biasa lebih utama daripada kemewahan (tahsiniyyat).

Para ulama' juga bersepakat bahawa harta tersebut wajib diinfaqkan dan tidak disimpan. Sebahagian ulama' ada berpandangan bahawa harta haram itu disimpan dan tidak diinfaqkan ke mana-mana jalan kebaikan.

Imam Ghazali juga ada menukilkan pendapat daripada Imam Fudayl Ibn ‘Iyad bahawa harta haram tersebut mestilah dimusnahkan atau dibuang.⁸

Penulis meletakkan di sini sebahagian daripada dalil-dalil yang dikemukakan oleh majoriti ulama’. Perbincangan yang terperinci juga telah dibuat oleh Imam Ghazali di dalam kitabnya yang masyhur iaitu ‘Ihya’ ‘Ulum al-Din dalam fasal “Halal dan Haram”, bab ke-4 “Kaedah Seorang Untuk Bertaubat Keluar Daripada Kezaliman Berkaitan Harta”.

4.5.1 Dalil Pertama

Saidina Abu Bakar رضي الله عنه pernah menyahut cabaran untuk bertaruh dengan orang kafir Mekah mengenai kebenaran al-Quran tentang kemenangan tentera Rum ke atas tentera Parsi. Sebahagian riwayat menyatakan beliau meminta izin daripada Rasulullah ﷺ, lalu Baginda membenarkannya dan memerintahkan supaya jumlah taruhan itu dipertingkatkan. Tempoh taruhan juga dilanjutkan daripada tujuh ke sembilan tahun. Setelah tentera Rum mengalahkan tentera Parsi, Saidina Abu Bakar رضي الله عنه membawa hasil taruhan tersebut kepada Rasulullah ﷺ dan Baginda bersabda:

هَذَا سُخْتُ / السُّخْتُ ، (فَ) تَصَدَّقْ بِهِ

“Ini adalah pendapatan yang haram lagi kotor, maka bersedekahlah dengannya.”

Nota: Sebahagian ulama’ menyatakan taruhan ini berlaku sebelum turunnya pengharaman judi (qimar / muqamarah).

T: Ibn Kathir: Menukilkan daripada Ibn Abi Hatim; al-Ghazali - al-Ihya’; Al-‘Iraqi menisbakkannya kepada al-Bayhaqi di dalam Dala’il

⁸ Namun begitu, Imam Ghazali menyatakan bahawa di sana mungkin terdapat beberapa kemungkinan mengenai maksud Imam Fudayl Ibn ‘Iyad.

al-Nubuwwah. Riwayat ini mempunyai shawahid daripada al-Tirmidhi, al-Hakim, Abu Ya'la al-Mawsili dan al-Busiri.

4.5.2 Dalil kedua

Rasulullah ﷺ pernah dihadiahkan dengan hidangan seekor kambing, namun Rasulullah ﷺ mendapat tahu bahawa ia telah dimiliki tanpa izin pemiliknya. Maka Rasulullah ﷺ bersabda:

أَطْعُمُوهَا الْأُسَارَى / أَطْعِمِيهِ الْأَسَارَى

“Berilah hidangan ini sebagai makanan kepada tawanan perang.”

*T: Abu Dawud; Ahmad; al-Daruqutni; al-Hakim; Ibn Abi Shaybah; al-Tahawi - Sharh al-Ma'ani al-Athar dan Mushkil al-Athar dan lain-lain.
R: al-Ghazali – al-Ihya'.*

4.5.3 Dalil ketiga

Diriwayatkan bahawa ‘Abdullah Ibn Mas‘ud ؓ pernah membeli seorang hamba sahaya perempuan namun apabila beliau ingin membayarnya maka beliau mencari pemiliknya dengan bersungguh-sungguh namun tidak beliau temui. Beliau pun bersedekah dengan harga hamba sahaya wanita tersebut dan berdoa:

اَللّٰهُمَّ هَذَا عَنْهُ اِنْ رَضِيَ، وَاِلَّا فَالْاَجْرُ لِي.

“Ya Allah! Sedekah ini adalah bagi pihaknya (pemilik asal) sekiranya dia redha, sekiranya dia tidak redha/setuju, maka ianya adalah untukku”.

R: al-Ghazali – al-Ihya'.

4.5.4 Dalil Keempat

Diriwayatkan bahawa Imam al-Hasan al-Basri ditanya berkenaan taubat seseorang yang mengambil harta ghanimah tentera (*al-ghall*) dan harta yang diambil setelah tentera bersurai, beliau menjawab:

يَتَصَدَّقُ بِهِ

“(Hendaklah) dia bersedekah dengannya.”

R: al-Ghazali – al-Ihya’.

4.5.5 Dalil Kelima

Diriwayatkan bahawa seseorang telah terpengaruh dengan nafsunya, lalu dia mengambil sebanyak seratus (100) dinar daripada harta ghanimah (rampasan perang). Kemudian, dia datang menjumpai ketuanya untuk mengembalikannya. Maka, ketuanya tidak mahu mengambilnya dan berkata:

تَفَرَّقَ النَّاسُ

“Orang ramai (askar-askar yang berhak) telah bersurai.”

Maka dia pun datang berjumpa dengan Mu‘awiyah رضي الله عنه, maka beliau pun enggan menerimanya. Maka dia datang berjumpa beberapa ahli ibadah, maka ahli ibadah tersebut berkata:

ادْفَعْ خُمْسَهَا إِلَى مُعَاوِيَةَ وَتَصَدَّقْ بِمَا يَبْقَى

“Serahkanlah satu perlima daripadanya kepada Mu‘awiyah رضي الله عنه, dan bersedekahlah dengan apa yang masih berbaki daripadanya.”

Maka berita (fatwa) ini telah sampai kepada Mu‘awiyah رضي الله عنه, lalu beliau berasa kesal / sedih kerana tidak terlintas baginya penyelesaian itu.

R: *al-Ghazali – al-Ihya’*.

Imam al-Ghazali menyebut:

وَقَدْ ذَهَبَ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ وَالْحَارِثُ الْمُحَاسِبِيُّ وَجَمَاعَةٌ مِنَ الْوَرَعَيْنِ إِلَى ذَلِكَ

“Dan (Imam) Ahmad Ibn Hanbal, (Imam) al-Haris al-Muhasibi dan sekumpulan daripada orang-orang yang wara’ telah berpegang dengan pendapat tersebut.

R: *al-Ghazali – al-Ihya’*.

Di sana terdapat lebih banyak lagi dalil-dalil yang dikemukakan oleh para ulama’ seperti kisah Saidina Umar al-Khattab رضي الله عنه, fatwa ‘Atha’ Ibn Abi Rabah dan lain-lain.

4.6 Keenam: Pahala Membersihkan Diri daripada Harta Haram

Para ulama’ menyatakan bahawa membelanjakan harta haram tidak mendatangkan sebarang pahala bersedekah berdasarkan sebuah hadith yang masyhur diriwayatkan oleh Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Allah ﷻ itu baik dan tidak menerima melainkan sesuatu yang baik.”⁹


Namun begitu, seseorang yang menyucikan dirinya daripada harta haram dan bertaubat serta beristighfar boleh mendapatkan— dengan izin Allah ﷻ — ganjaran:

⁹ Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim (Sahih Muslim), Imam al-Tirmidhi (Jami’ al-Tirmidhi) dan lain-lain.

1. Menjauhkan dirinya daripada membelanjakan atau menggunakan harta yang haram; dan
2. Sebagai wakil/orang tengah yang memindahkan harta haram kepada bentuk-bentuk kebaikan.

Berdasarkan perbincangan di atas, pihak penulis telah membina satu carta aliran kerja bagi pengurusan dan pelupusan wang faedah (hasil riba') menurut perspektif Islam. Sila lihat gambarajah di bawah. Semoga hasil ini dapat memberikan sedikit panduan kepada individu yang ingin bertaubat daripada dosa riba dan bagi pihak berwajib yang bertanggungjawab menguruskan pembersihan wang riba'.

Gambarajah 2: Carta Aliran Pengurusan dan Pelupusan Harta Haram



Lampiran 1: Latar Belakang Penterjemah, Pengulas dan Editor: Abdullaah Jalil

(Ustaz) Abdullaah Jalil adalah merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau dilahirkan pada tanggal 10 Zulhijjah 1400 (Hari Raya Aidil Adha), bersamaan 19 Oktober 1980 di Kuala Terengganu dan dibesarkan di Skudai, Johor Bahru, Johor.

Beliau memulakan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ), Kluang (PMR & SRA - *Mumtaz*) sebelum menduduki SPM & SKK (*Mumtaz*) di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang, Selangor.

Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan di dalam bidang Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam). Beliau berjaya menamatkan pengajiannya di Universiti Yarmouk dalam tempoh tiga (3) tahun dan dikurniakan Sarjana Muda Syariah Kelas Pertama (*Mumtaz*) bersama Kepujian. Pelajar Malaysia pertama dengan pencapaian sedemikian.

Setelah diterima sebagai tutor di FEM pada tahun 2002, beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam serta dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dalam tahun 2004.

Setelah berkhidmat selama hampir 7 tahun di FEM & USIM, beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah di

INCEIF, Kuala Lumpur di dalam bidang Kewangan Islam (*Islamic Finance*) bermula Januari 2011.

Beliau merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Syariah, Bank Rakyat, Prudential BSN Takaful dan Koperasi Kakitangan USIM. Beliau juga telah dianugerahkan dengan “*Friends of the Police*” pada Hari Polis Kebangsaan 2011 kerana kerjasama beliau bersama pihak polis dalam usaha membanteras fahaman militan dan ancaman keselamatan negara.

Beliau juga mengikuti pengajian-pengajian di luar kuliah dengan beberapa mashayikh dan ulama’ dari dalam dan luar Malaysia bila mana berkesempatan.

Lampiran II: Kebenaran Umum oleh al-Allamah al-Shaykh Yusuf al-Nabhani [dan Penterjemah]

Al-Allamah al-Shaykh Yusuf Ibn Isma'il al-Nabhani telah memberi kebenaran kepada setiap umat Islam untuk mencetak atau menerbitkan semua kitab-kitab beliau. Beliau menyebut di “*Muqaddimah*” kitabnya “*Al-Arba‘in arba‘in min ahadith Sayyid al-Mursalin*”:

التنبيه الثالث * فداجزت لكل مسلم طبع ما شاء من كتيبي وارجو له ربح الدنيا والآخرة فانها كلها في مرضاة الله تعالى ورسوله سيد الانام ونصيحة المسلمين ونصرة الاسلام

“[Tanbih Yang Ketiga] Sesungguhnya saya telah memberi kebenaran (*ijazah*) kepada setiap orang Islam untuk mencetak apa yang dia mahu dari kitab-kitab karangan saya, dan saya berharap dia akan mendapat keuntungan di dunia dan di Akhirat. Sesungguhnya ia (kitab-kitab ini) semuanya adalah untuk mendapatkan keredaan Allah ﷻ dan RasulNya – Penghulu segala manusia, dan nasihat bagi orang-orang Islam serta usaha membantu/ memenangkan agama Islam.”

Dengan ini, saya: Abdullaah Bin Jalil, ingin menuruti jejak langkah al-Shaykh al-‘Allamah Yusuf Ibn Isma'il al-Nabhani, pengarang asal kitab “40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba” dengan membenarkan sesiapa sahaja dari kalangan umat Islam untuk mencetak kitab ini atau menjadikannya sebagai rujukan tanpa sebarang tuntutan daripada pihak saya. Semoga Allah menjadikannya sebab rahmatNya, kemaafanNya dan keampunanNya bagi saya dan semua ahli keluarga saya dan saya berharap agar Dia menerima usaha yang amat kerdil ini sebagai amalan soleh saya dan sesiapa yang menyebarkan dan

mengajarkannya di Hari Akhirat nanti. Saya juga berdoa agar Allah yang Maha Pengampun memaafkan segala kekurangan dan salah silap yang berlaku semasa dan setelah kitab ini disempurnakan. Sesiapa yang melihat kesilapan dan kesalahan di dalam kitab ini bolehlah memberitahu saya melalui email ini: abdullaahjalil@gmail.com .

رَبَّنَا قَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui;” [al-Baqarah:127]

وَبُ عَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

“Dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.” [al-Baqarah:128]

دَعَوْهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ ۖ وَأٰخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

“Doa ucapan mereka di dalam Syurga itu ialah Maha Suci Engkau dari segala kekurangan wahai Tuhan! Dan ucapan penghormatan mereka padanya ialah: Selamat sejahtera! Dan akhir doa mereka ialah segala puji dipersembahkan kepada Allah yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam!” [Yunus:10]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ النَّوْرِ وَعَلَى آلِهِ

Lampiran III: Doa [Nazam] Penutup Majelis Ilmu

يَا رَبَّنَا اعْتَرَفْنَا	بِأَنَّنَا اقْتَرَفْنَا
وَأَنَّنَا أَشْرَفْنَا	عَلَى لَظَى أَشْرَفْنَا
فَتُبْ عَلَيْنَا تَوْبَهُ	تَغْسِلْ لِكُلِّ حَوْبَهُ
وَاسْتُرْ لَنَا الْعُورَاتِ	وَأَمِنْ الرُّوعَاتِ
وَاعْفِرْ لَوَالِدَيْنَا	رَبِّ وَمَوْلُودَيْنَا
وَالْأَلِ (وَالْأَهْلِ) وَالْإِخْوَانِ	وَسَائِرِ الْخِلَانِ
وَكُلِّ ذِي مَحَبَّةٍ	أَوْ جِيرَةٍ أَوْ صُحْبَةٍ
وَالْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِ	آمِينَ رَبِّ اسْمَعْ
فَضْلًا وَجُودًا مِنَّا	لَا بِاِكْتِسَابٍ مِنَّا
بِالْمُصْطَفَى الرَّسُولِ	نَحْظَى بِكُلِّ سُؤْلِ
صَلَّى وَسَلَّم رَبِّي	عَلَيْهِ عَدَّ الْحَبِّ
وَالِهِ وَالصَّحْبِ	عِدَادَ طَشِّ السُّحْبِ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ	فِي الْبَدْءِ وَالتَّنَاهِي

[Bekal Akhirat – Sheikh Ahmad Fahmi Zamzam al-Nadwi al-Maliki]